



SEMBANG KOMPUTER

Panduan Komputer, Software, dan Internet

MK

Prakata

Sewaktu di kolej dahulu, rakan sebilik saya Fendi adalah orang kuat surau.

Satu malam, dia bawa Tok Imam datang melawat bilik kami. Terkejut saya, dah lah saya tengah pakai seluar pendek. Saya ingatkan Tok Imam nak beri ceramah dan ingin mengajak saya kembali ke jalan yang benar, tapi rupa-rupanya beliau hanya ingin bertanya sesuatu tentang Microsoft Excel. Jadi saya pun ajarlah Tok Imam tentang Microsoft Excel, dengan segan silu dalam seluar pendek saya.

Peristiwa tersebut membuatkan saya terfikir di kala malam dingin tersebut, akan betapa kurangnya sumber bacaan berkenaan komputer dalam Bahasa Malaysia. Pendek cerita, empat tahun berlalu dan akhirnya kini saya mula menulis sebuah e-book untuk dijadikan panduan buat semua pakcik makcik, abang kakak, dan juga Tok Imam.

E-book ini ditulis bertujuan untuk memudahkan kehidupan seharian anda dalam menggunakan komputer. Ianya meliputi penggunaan Internet, software, serta Windows. Kebanyakan artikel dalam ebook ini adalah diolah semula dari blog dengan nama yang sama, Sembang Komputer (www.sembangkomputer.com).

Meskipun ebook ini ditulis dengan menyasarkan pengguna komputer yang baru, ianya juga mengandungi pelbagai tips yang boleh dimanfaatkan oleh semua orang.

Semoga anda belajar sesuatu!

MK.

Nota tentang penggunaan bahasa

Saya sangat sayangkan bahasa kita, Bahasa Malaysia. Kalau boleh saya tidak ingin mencampurkan-adukkan Bahasa Inggeris dan sebaliknya, menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya.

Namun saya percaya bahawa tujuan utama bahasa adalah untuk berkomunikasi, dan tujuan tersebut harus diutamakan berbanding segala yang lain. Apa gunanya kalau kita terjemah setiap istilah kalau maklumatnya tak sampai, kan?

Lagipun tak kena juga kalau saya nak terjemah 'unboxing' kepada 'nyahkotak'. Hodoh sangat bunyinya.

Nota tentang penggunaan Windows

Screenshot yang dipaparkan di dalam e-book ini ditangkap pada Windows 8. Walau bagaimanapun, kesemua tips yang dipaparkan dalam buku ini telah diuji untuk turut berfungsi di dalam Windows 7, kecuali dinyatakan.

Penafian

Buku ini bertujuan untuk memberi panduan tentang penggunaan komputer dalam kehidupan seharian. Ianya ditulis berdasarkan pengalaman dan penyelidikan, dan telah diuji selamat. Penulis tidak bertanggungjawab atas segala kerosakan yang mungkin berlaku daripada maklumat yang diambil daripada buku ini.

Tentang penulis



Muhammad Khairul, atau lebih dikenali dengan nama pena, MK – mula menulis di Sembang Komputer (www.sembangkomputer.com) sejak zaman kolej. Beliau merupakan seorang lulusan diploma dalam Teknologi Kejuruteraan Komputer, dan telah bekerja dalam bidang IT sejak 5 tahun yang lepas.

MK kini bekerja di Teach For Malaysia, dan sangat sukakan serunding daging.

Ikuti MK pada akaun Twitter beliau di <http://twitter.com/khairul>.

Dedikasi

Buat Michelle dan Nguyen. Dan emak abah yang comel lagi manja.

Kandungan

Kandungan	4
BAB 1: Menggunakan Internet.....	7
Tips 1: Gunakan web browser yang lebih baik	8
Tips 2: Ketahui pelbagai kegunaan Google Search	12
Tips 3: Gunakan Google Mail dengan lebih produktif	16
Tips 4: Atur temujanji dengan Google Calendar	19
Tips 5: Beralih kepada office suite berasaskan web	22
Tips 6: Buang iklan dengan Adblock	24
Tips 7: Simpan password dengan LastPass	26
Tips 8: Buka website yang telah disekat	29
Tips 9: Gunakan Trillian untuk chat bersama rakan-rakan	33
Tips 10: Download menggunakan torrent	37
Tips 11: Download menggunakan jDownloader	39
Tips 12: Download video dan mp3 dari YouTube	41
Tips 13: Dapatkan password Wi-Fi yang telah dimasukkan dahulu.....	43
BAB 2: Media dan hiburan	45
Tips 14: Uruskan koleksi foto dengan Picasa	46
Tips 15: Edit foto dengan PhotoScape	50
Tips 16: Uruskan koleksi lagu dengan Windows Media Player	53
Tips 17: Uruskan koleksi lagu dengan iTunes.....	57
Tips 18: Mainkan video dengan VLC Player	62
Tips 19: Beli, download, dan main games dengan Steam.....	66
Tips 20: Beli download, dan baca buku dengan Kindle.....	71
Tips 21: Gunakan WordWeb sebagai kamus bahasa inggeris	74
Tips 22: Catat nota dengan Evernote.....	76
BAB 3: Penjagaan komputer	79
Tips 23: Tambahkan device bluetooth	80
Tips 24: Ketahui maklumat asas mengenai komputer anda	82
Tips 25: Matikan autoplay untuk mengelakkan virus	85
Tips 26: Matikan UAC (Universal Access Control).....	86
Tips 27: Lajukan startup dengan msconfig dan Autoruns.....	87

Tips 28: Ketahui apa yang menggunakan ruang hard disk dengan WinDirStat	90
Tips 29: Kembalikan fail yang hilang dengan Recuva.....	93
Tips 30: Padam data selama-lamanya dengan Eraser	95
Tips 31: Delete fail yang degil dengan Unlocker	98
Tips 32: Tutup aplikasi yang berhenti berfungsi	99
Tips 33: Selamatkan dokumen daripada Windows yang tidak boleh dibuka	101
Tips 34: Reset password bagi Windows.....	103
Tips 35: Backup dokumen dengan SyncBack	107
Tips 36: Hot image partition dengan Macrium Reflect.....	113
BAB 4: Produktiviti dan utiliti.....	121
Tips 37: Shortcut keys dalam Windows	122
Tips 38: Uruskan folder-folder agar mudah dicapai	125
Tips 39: Tukar wallpaper secara automatik	127
Tips 40: Lancarkan aplikasi dengan pantas.....	129
Tips 41: Capai fail dalam komputer dengan pantas.....	132
Tips 42: Copy fail secara pantas dengan TeraCopy.....	134
Tips 43: Buka/mampatkan fail archive dengan 7zip	135
Tips 44: Padam monitor dengan Sleeper.....	137
Tips 45: Copy dan paste dengan ClipX	138
Tips 46: Simpan dokumen di Internet dengan Dropbox	139
Tips 47: Kawal komputer rakan dengan TeamViewer	142
Tips 48: Lindungi fail yang sensitif dengan TrueCrypt	144
Tips 49: Cara-cara burn CD/DVD.....	150
Tips 50: Pasang CD/DVD tanpa memerlukan pemain DVD.....	152
BAB 5: Pengurusan OS	156
Tips 51: Cara-cara menetapkan boot sequence	157
Tips 52: Cara-cara install Windows 7	159
Tips 53: Cara-cara install Windows 8	168
Tips 54: Cara-cara install Ubuntu 12.10.....	176
Tips 55: Install Windows menggunakan USB Drive.....	181
Tips 56: Install Ubuntu menggunakan USB drive.....	183
Tips 57: Uruskan hard disk dengan Disk Management.....	184
Tips 58: Cuba operating system yang lain dengan VirtualBox	185
BAB 6: Uruskan blog/website	194
Tips 59: Buat blog percuma di Blogspot	195

Tips 60: Dapatkan domain dan laman web sendiri.....	197
Tips 61: Install WordPress pada domain.....	201
Tips 62: Tulis blog dengan Windows Live Writer	209
Tips 63: Buat email pada domain sendiri.....	212
Tips 64: Download/upload fail ke server dengan FileZilla	215
Tips 65: Bina web server peribadi dengan XAMPP	217

BAB 1: Menggunakan Internet

Tips 1: Gunakan web browser yang lebih baik

Sebahagian besar hidup berkomputer kita dipenuhi dengan melayari Internet (bagi sesetengah orang lebih tepat lagi dikatakan sebagai “melayari Facebook”, tapi tak perlulah terlalu khusus sangat kan). Oleh itu anda perlulah memilih web browser yang betul untuk digunakan sehari-hari.

Windows anda datang dengan Internet Explorer (IE), sebagai web browser yang asas. Namun begitu terdapat banyak web browser lain yang lebih bagus seperti Chrome, Firefox, Safari, dan Opera. Bagi tips ini, web browser yang paling saya sarankan adalah Google Chrome.


Untuk mendapatkan Google Chrome, pergi ke www.chrome.com (gunakan mana-mana browser, IE pun boleh) untuk download. Install, kemudian lancarkan Google Chrome dan anda akan dapat lihat rupa bentuknya yang jauh lebih ringkas, sejuk mata memandang.

Tips menggunakan Google Chrome


GUNAKAN OMNIBOX

Kotak di bahagian atas sekali dipanggil sebagai omnibox.

Anda boleh gunakannya untuk menaip alamat URL ataupun untuk membuat carian terus pada Google.




Sebagai contoh, taip
“Cara format laptop”
dan tekan Enter.
Halaman Google
berkenaan carian anda
tadi akan dipaparkan.



BUKA TAB BARU

Klik pada ikon kecil di
sebelah kan tab untuk
membuka tab baru.


Tab digunakan untuk
membuka banyak
website pada Google
Chrome yang sama.




TAMBAHKAN BOOKMARK

Bagi website yang kerap anda kunjungi, masukkan ia ke dalam senarai bookmark supaya ia lebih senang untuk dibuka.

Klik pada butang bintang di bahagian kanan omnibox dan ia akan ditambah ke bookmark.



Tekan Ctrl+Shift+B untuk mengeluarkan bar bookmark.



Gunakan keyboard shortcut dalam Google Chrome

Google Chrome mempunyai pelbagai shortcut yang boleh menjimatkan banyak masa dalam penggunaan web browser anda sehari-hari. Kebanyakan shortcut ini juga sama pada web browser yang lain seperti Firefox, Safari, dan Opera.

Ctrl+T	Buka tab yang baru
Ctrl+N	Buka window yang baru
Ctrl+Shift+N	Buka window Incognito yang baru
Ctrl+Tab	Pergi ke tab yang seterusnya
Ctrl+Shift+Tab	Pergi ke tab yang sebelumnya
Ctrl+(1-8)	Lompat ke tab mengikut nombor (1 hingga 8)
Ctrl+W	Tutup tab
Ctrl+Shift+T	Buka tab terakhir yang anda telah tutup

Tekan **Ctrl** dan klik pada link. Atau
klik pada link dengan mousewheel.

Buka link pada tab baru.

Tekan **Shift** dan klik pada link.

Buka link pada window baru.

Ctrl+D	Masukkan laman web ke Bookmarks
Ctrl+Shift+B	Sembunyi/keluarkan bar Bookmarks
Ctrl+H	Lihat senarai History
Ctrl+J	Lihat senarai Download

Anda boleh lihat senarai penuh bagi shortcut ini di:

<https://support.google.com/chrome/bin/answer.py?hl=en&answer=157179>

Tips 2: Ketahui pelbagai kegunaan Google Search

“Cuba cari di Google” merupakan jawapan yang biasa diberikan oleh kawan saya, Michelle, terhadap apa sahaja pertanyaan ikhlas yang saya berikan kepadanya.

“Pergi je lah, zaman Internet sekarang kan senang, bukannya perlu susah-susah selak buku kat perpustakaan pun...” dan teruslah saya balik ke meja saya sebelum dia berleter lebih panjang.

Memang ada benarnya, Google kini mampu memberikan jawapan terhadap apa jua yang ingin kita ketahui. Ia merupakan destinasi pertama yang dibuka untuk mencari maklumat. Malah bagi sesetengah orang, walaupun mereka sudah tahu akan laman web yang ingin dikunjungi, mereka masih menaikkannya ke dalam Google terlebih dahulu.

Kalaulah Google boleh turut memberitahu di mana kunci rumah saya setiap kali ia hilang, kan bagus. Di bawah merupakan beberapa fungsi Google (<http://www.google.com.my/>) yang boleh anda gunakan.


Tips menggunakan Google Search

GUNAKAN GOOGLE SUGGEST

Apabila anda mula menaip, Google akan memaparkan cadangan untuk melengkapkannya. Ianya sama seperti dalam Google Chrome, cuma cadangan yang diberikan pada laman web adalah lebih banyak.

Cadangan ini bukan sahaja membantu anda mencari dengan pantas, malah ia:



- memberitahu carian apakah yang popular
- melengkapkan carian, sekiranya anda tidak pasti kata kunci apa yang perlu dimasukkan



CARI IMEJ YANG SAMA DENGAN GOOGLE IMAGES

Gunakan Google Image
(<http://image.google.com>)
sekiranya anda terjumpa
sesuatu imej dari Internet
dan ingin mencari versi
yang lebih besar.

Hanya drag and drop imej
tersebut ke dalam kotak
carian Google Image, dan
Google akan memaparkan
maklumat seperti sumber
imej dan imej-imej yang
serupa dengannya.



KETAHUI BERITA TERKINI DENGAN GOOGLE NEWS

Hasil carian pada Google disusun berdasarkan pelbagai faktor, salah satunya adalah sudah berapa lamakah satu-satu URL itu wujud.

Jadi jika anda ingin mengetahui berita terkini tentang topik tertentu, ia tidak akan muncul pada laman pertama Google dengan begitu pantas. Cara yang lebih baik adalah menggunakan Google News (<http://news.google.com>).




TUKAR MATAWANG

Bagi sesiapa yang selalu merantau, perkara yang kerap dilakukan ialah menukar nilai matawang.

Pada Google, anda boleh mengetahui nilai matawang ini dengan mudah, hanya taipkan: [Jumlah] [Matawang] to [Jumlah] [Matawang].

Contoh:

- 100USD to MYR
- 100MYR to USD



TUKAR UNIT

Selain daripada matawang, anda boleh menukarkan unit ukuran/sukatan yang lain; contohnya meter ke kaki, kilogram ke paun, dan sebagainya.

The screenshot shows a Google search result for the query "151 cm to feet inches". The search bar at the top contains the text "151 cm to feet inches". Below the search bar, the results are categorized under "Web". A prominent unit converter widget displays the conversion: 151 Centimeter equals 4.95407 Foot. Below this, a link to "151 cm is it 5 foot 1? - Yahoo! Answers" is shown, along with the text "8 answers - 4 May 2007". A snippet of the answer states: "151 cm is it 5 foot 1? ... 151 cm = 59.448818897637793 inches. So it's actually 4'11\"

Tips 3: Gunakan Google Mail dengan lebih produktif

Emel yang pada asalnya dicipta untuk menggantikan surat-menyurat, kini sudah berkembang menjadi seribu satu macam kegunaan.

Ianya boleh digunakan untuk mengatur temujanji, mendapatkan promosi terbaru dari AirAsia dan Groupon, menyebarkan gambar kucing, malah ada juga manusia yang sangat pelupa dia perlu menggunakan email untuk menghantar peringatan kepada diri sendiri (contohnya saya).

Bagi sesetengah orang pula, email merupakan alat komunikasi yang sangat penting di tempat kerja, sehingga mereka lebih banyak menghabiskan masa membuka email berbanding membuat kerja.

Servis email yang popular digunakan adalah Gmail. Anda boleh dapatkan akaun percuma di www.gmail.com dan ikuti tips-tips di bawah untuk menggunakannya secara lebih produktif.


Tips menggunakan Gmail

AKTIFKAN “UNDO SEND”

Selalunya, setelah email dihantar barulah anda perasan akan segala kesalahan dalam email..

Pada Gmail, terdapat fungsi “Undo Send” yang boleh membatalkan penghantaran email.

Pergi ke Settings > General > Undo Send, dan tandakan kotak “Enable Undo Send”. Anda boleh tetapkan berapa saatkah tempoh maksimum bagi fungsi pembatalan ini.





SERTAKAN IMEJ DALAM EMAIL ANDA

Secara default, anda hanya boleh attach imej pada email, di mana penerima perlu download attachment tersebut terlebih dahulu.



Dengan fungsi “Inserting images”, anda boleh memasukkan imej di dalam email itu sendiri, sama seperti menaip dokumen dalam Microsoft Word ataupun menulis blog.

Fungsi ini perlu diaktifkan pada Settings > Labs > “Inserting images”. Tandakan pada kotak ‘Enable’ dan tekan ‘Save’.



GUNAKAN TASKS SEBAGAI TO-DO LIST

Tasks merupakan fungsi mini pada Gmail di mana anda boleh catatkan senarai tugas yang perlu diselesaikan.



Tips 4: Atur temujanji dengan Google Calendar

Janji perlu ditepati, terutamanya bila ia melibatkan orang lain. Masalahnya kadang-kadang kita secara tidak sengaja mengatitkan dua temujanji pada masa yang sama. Kita terus setuju bila kawan pejabat mengajak bermain futsal, tapi terlupa yang hujung minggu tersebut ada kenduri kahwin yang perlu dihadiri. Ada dua cara untuk mengatasi masalah ini:


1. Upah seorang gadis sebagai setiausaha peribadi
2. Gunakan Google Calendar

Buku ini hanya akan menerangkan cara yang kedua sahaja. Dengan Google Calendar (<http://www.google.com/calendar/>), anda dapat catatkan temujanji supaya ia dapat selalu dirujuk, dan mengelakkan daripada tertindih dua temujanji pada masa yang sama.

Tips menggunakan Google Calendar

TAMBAHKAN TEMUJANJI KE DALAM KALENDAR

Klik pada hari/masa yang dikehendaki untuk memasukkan temujanji.



TETAPKAN PERINGATAN

Setelah temuan ini dimasukkan, anda boleh klik "Edit event" untuk lebih banyak fungsi seperti menghantar peringatan melalui e-mail dan SMS.

The screenshot shows the Google Calendar 'Edit event' page in a web browser. The event is titled "Dance practice" and is scheduled for 11/27/2012. The interface includes a "SAVE" button in red and a "Discard" button. The event details section shows the location as "Solaris Dutamas", the calendar as "Muhammad Khairul", and the description as "Dance practice for performance at annual dinner.". There are options to "Add guests" and "Add a Google+ hangout". The "Event color" section shows a selection of colored squares. The "Reminders" section shows two reminders: "Email" at 10 minutes and "Pop-up" at 30 minutes. The "Show me as" section has radio buttons for "Available" (selected) and "Busy". The "Privacy" section has radio buttons for "Default" (selected), "Public", and "Private".

Google Calendar

24 Google Calendar

https://www.google.com/calendar/render?tab=mc&pli=1&gsessionid=_0ZNLm1idH8V

+Muhammad Search Images Maps Play YouTube News Gmail Drive Calendar More

Google Search Calendar Muhammad Khairul 0 + Share

SAVE Discard

Dance practice

11/27/2012 to 11/27/2012

☒ All day ☐ Repeat...

Event details Find a time

Where Solaris Dutamas

Video call Add a Google+ hangout

Calendar Muhammad Khairul

Description Dance practice for performance at annual dinner.

Add guests Enter email addresses Add

Guests can ☐ modify event ☒ invite others ☒ see guest list

Event color ☒ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

Reminders Email 10 minutes Pop-up 30 minutes Add a reminder


Show me as ☒ Available ☐ Busy

Privacy ☒ Default ☐ Public ☐ Private

KONGSIKAN KALENDAR

Anda boleh kongsi kalendar bersama pengguna Google yang lain.

Fungsi ini berguna di tempat kerja, di mana anda perlu melihat jadual rakan sekerja agar senang untuk mengaturkan temujanji dan mesyuarat.



Tips 5: Beralih kepada office suite berasaskan web


Microsoft Office telah lama menjadi software pilihan utama bagi kerja-kerja menaip, membuat spreadsheet, dan menyediakan pembentangan. Namun semakin banyak kerja kini memerlukan anda untuk berkongsi dokumen dengan orang lain – samada ianya rakan sepejabat, kawan, mahupun klien. Dan bertukar-bertukar fail melalui USB drive bukanlah lagi cara yang paling produktif.

Dengan sambungan Internet broadband yang pantas dan terpasang 24 jam, ramai orang kini memilih untuk menggunakan office suite berasaskan web, seperti Google Drive (<http://drive.google.com/>) dan Zoho (<http://www.zoho.com/>). Walaupun webapp seperti ini tidak menyediakan fungsi sekompleks Microsoft Office, namun kelebihanannya terletak pada kebolehan untuk bekerjasama sesama rakan sepejabat dengan sangat mudah.

Tips menggunakan Google Drive

BUAT DOKUMEN BARU

Google Drive menyediakan interface yang sangat mudah buat pengguna. Jika anda ingin membuat dokumen baru, hanya klik 'Create' dan pilih jenis dokumen yang ingin dibuat.




KONGSI DAN EDIT DOKUMEN DENGAN ORANG LAIN

Kongsikan dokumen dengan sesiapa sahaja. Anda boleh membenarkan mereka untuk turut meng-edit dokumen tersebut, atau hanya membukanya sahaja.

Apabila banyak orang meng-edit satu dokumen, segala perubahan boleh dilihat pada dokumen, malah anda boleh melihat apakah yang ditaip oleh ahli kumpulan anda.

Fungsi ini memudahkan kerjasama bersama rakan sekerja, tak perlu lagi berbalas-balas emel yang mengandungi attachment.



Kelebihan office suite berasaskan web

- Hanya perlukan web browser, tak perlu install sebarang software tambahan.
- Boleh diakses dari mana-mana komputer, tanpa mengira OS.
- Takkan ada masalah format dokumen tidak sama (selalu terjadi kepada MS Office yang berlainan versi – contohnya fail .docx pada Office 2007 tidak dapat dibuka oleh Office 2003).
- Dokumen yang baru anda edit akan sentiasa berada pada satu tempat yang sama – jadi anda tidak perlu risau untuk copy dokumen tersebut ke tempat yang lain.
- Banyak orang boleh edit dokumen yang sama secara serentak

Tips 6: Buang iklan dengan Adblock

Setiap kali anda melayari Internet, pastinya anda akan diterjah dengan pelbagai jenis iklan—ada yang kecil, ada yang besar, dan ada yang berkelip-kelip macam kad raya. Dah lah iklan-iklan ni buat semak, kadang-kadang ada juga yang berbentuk scam dan mengandungi malware.


Anda boleh gunakan Adblock (<http://adblockplus.org/>) untuk membuang kesemua iklan-iklan ini. Adblock merupakan sebuah extension yang boleh dipasang pada kebanyakan web browser termasuklah IE, Firefox, dan Chrome.

Cara-cara memasang Adblock pada Google Chrome


Pergi ke laman Adblock dan klik “Install Adblock Plus”.



Satu pop-up window akan dipaparkan, klik 'Add'.




Butang AdBlock Plus akan dipaparkan di bahagian kanan address bar, bermakna iklan-iklan sudah mula disekat.




Setelah dipasang, iklan akan disekat secara automatik pada laman web yang anda lawati. Anda boleh lihat perbezaannya pada contoh di bawah:

TANPA
ADBLOCK



DENGAN
ADBLOCK



Tips 7: Simpan password dengan LastPass

Berapa banyak website yang anda perlu login setiap hari? Kalau jawapan anda hanyalah Facebook dan Gmail, mungkin anda tak perlu risau. Tapi kebanyakan orang mempunyai lebih daripada 20 akaun di website yang berlainan, jenuhlah nak ingat kesemua username dan password dalam kepala.


Sesetengah orang akan menyimpan username dan password ini dalam fail Word, atau mencatatkannya pada nota Post-It yang dilekatkan pada skrin komputer. Kesemua cara tersebut adalah tak selamat, sebab senang-senang je orang lain boleh melihat password dan kemudian memecah masuk ke dalam akaun anda, tak ke haru.

LastPass boleh membantu anda menyimpan dan memasukkan username dan password ini secara automatik dan selamat. Hanya pasang LastPass (<https://lastpass.com/>) pada web browser anda dan daftar satu akaun LastPass.

Cara menggunakan LastPass


DAFTAR AKAUN LASTPASS

Pastikan anda telah mendaftar akaun pada LastPass terlebih dahulu. Jika tidak, klik "Create an Account".



LOG IN KE DALAM LASTPASS


Setelah membuat akaun baru, login dengan menekan ikon LastPass pada web browser.



SIMPAN USERNAME DAN PASSWORD


Kini apabila anda memasukkan username dan password bagi mana-mana website, LastPass akan bertanya samada anda ingin menyimpannya.

Klik "Save Site" untuk menyimpan username dan password tersebut.




MASUKKAN
USERNAME DAN
PASSWORD
SECARA
AUTOMATIK

Apabila anda membuka kembali website tersebut, username dan password akan dimasukkan secara automatik.



Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu akaun pada sesebuah website, anda boleh memilih akaun mana untuk login.



Tips 8: Buka website yang telah disekat


Sesetengah website mungkin telah disekat pada network anda, terutamanya jika anda berada di dalam kawasan pejabat, sekolah ataupun universiti. Biasanya sekatan ini dibuat untuk menghalang para pelajar melawati laman web yang lagha seperti Facebook dan Twitter.

Namun masalah berlaku apabila sekatan dibuat berdasarkan kategori ataupun keyword. Contohnya, apabila semua laman forum disekat, sukar bagi saya untuk mencari penyelesaian bagi masalah teknikal yang biasanya memang terdapat di dalam forum pun.


Sekatan sebegini kadang-kadang lebih banyak menyusahkan pengguna yang ingin membuat kerja dengan hati yang tulus. Nasib baiklah cara untuk mengatasinya adalah mudah, anda boleh bertukar kepada Google DNS, ataupun dengan menggunakan software seperti UltraSurf (<http://ultrasurf.us/>).

Cara membuka sekatan Internet dengan Google DNS


Right-click pada ikon Internet/wireless anda dan pilih "Open Network and Sharing Center"




Pilih “Change adapter settings”



Klik kanan pada sambungan Internet yang anda gunakan dan pilih 'Properties'



Pilih “Internet Protocol Version 4 (TCP/IPv4)” dan klik ‘Properties’




Tandakan pada kotak “Use the following DNS server addresses” dan masukkan nilai berikut:

Preferred DNS server:
8.8.8.8

Alternate DNS server:
8.8.4.4


Klik OK dan tutup tetingkap tersebut. Kini ada sepatutnya sudah boleh melayari laman web yang disekut seperti biasa.



Cara membuka sekatan Internet dengan UltraSurf

UltraSurf (<http://ultrasurf.us/>) merupakan software yang terbaik dalam mengatasi sekatan laman web.

Cara menggunakannya sangat mudah, hanya buka UltraSurf dan ia akan melancarkan sebuah browser yang boleh anda gunakan untuk melayari apa-apa laman web yang anda mahu.



Tips 9: Gunakan Trillian untuk chat bersama rakan-rakan

Kalau zaman budak-budak dulu anda mungkin selalu menelefon rumah kawan anda jika hendak bersembang, dan kalau tak berjaga-jaga, melambunghlah bil telefon pada hujung bulan. Mujurlah sekarang ni dengan adanya pakej Internet unlimited dan Instant Messenger (IM), nak bersembang sampai lusa pun boleh.

Kini terdapat pelbagai servis IM yang terkenal seperti Facebook (<http://www.facebook.com>), Google Talk (<http://mail.google.com>), dan Skype (<http://skype.com>). Anda boleh menggunakan mereka terus pada laman web ataupun klien desktop masing-masing. Masalahnya, bagaimana jika anda mempunyai akaun pada banyak tempat? Takkan nak buka kesemua laman web atau klien bagi setiap satu servis?

Di sinilah anda boleh menggunakan klien multi-IM, yang membolehkan anda login ke dalam banyak akaun sekaligus dan bersembang dengan rakan-rakan anda, semua daripada satu tempat sahaja. Antara klien multi-IM yang terkenal dan mudah digunakan ialah Trillian (<http://www.trillian.im>).

Cara menggunakan Trillian

DAFTAR/LOGIN KE DALAM AKAUN TRILLIAN ANDA

Anda perlu memiliki sebuah akaun Trillian terlebih dahulu untuk menggunakannya.

Klik "Register a new Trillian account" untuk mendaftarkan akaun baru, atau klik "Sign using an existing Trillian account" jika anda sudah mempunyai akaun dan ingin login.



HUBUNGKAN TRILLIAN DENGAN AKAUN IM

Jika anda memilih untuk mendaftar Trillian, sebuah skrin dengan tajuk “Sep Up Instant Messaging” akan keluar. Di sini anda boleh masukkan username dan password bagi akaun-akaun IM anda, agar kesemuanya boleh digunakan dari Trillian.



Welcome to Trillian!

Set Up Instant Messaging

Windows Live Messenger <input type="text" value="Windows Live Email"/> <input type="password" value="Password"/>	Google Talk <input type="text" value="Google Email"/> <input type="password" value="Password"/>
AOL® Instant Messenger <input type="text" value="AIM Screen Name"/> <input type="password" value="Password"/>	ICQ® <input type="text" value="ICQ UIN"/> <input type="password" value="Password"/>
Yahoo! Messenger <input type="text" value="Yahoo! ID"/> <input type="password" value="Password"/>	Skype <input type="text" value="Skype Name"/> <input type="password" value="Password"/>

Next Cancel


Jika anda sudah login, anda boleh sentiasa menambah/ menukar akaun IM anda di Preferences > Basics > Accounts.



MULA MENGGUNAKAN TRILLIAN

Kini anda sudah boleh menggunakan Trillian untuk chat bersama rakan anda, tidak kiralah servis IM apa yang dia gunakan.


Hanya double-click pada nama rakan anda untuk memulakan perbualan.



GUNAKAN TRILLIAN DI LAMAN WEB

Anda juga boleh menggunakan Trillian terus daripada di <http://www.trillian.im/chat/>

Cara ini berguna sekiranya anda pergi ke cyber café atau ketika menggunakan komputer awam, di mana anda tidak boleh install sebarang software tambahan.




Tips 10: Download menggunakan torrent

Asalkan anda tahu mana nak cari, tiada apa yang anda tak boleh dapatkan daripada Internet. Anda boleh download software, filem, rancangan TV, lagu, e-book, komik, dan banyak lagi. Makanan je yang tak boleh lagi nak download setakat ni.


Dengan sambungan Internet yang semakin stabil dan laju (seperti Streamyx ataupun UNIFI), cara yang paling pantas untuk download adalah menggunakan torrent, terutamanya bagi fail yang bersaiz besar. Anda boleh gunakan µTorrent (<http://www.utorrent.com/>) untuk tujuan ini, dan cari fail yang anda mahu dari laman seperti ThePirateBay (<http://thepiratebay.se/>) dan ISOHunt (<http://isohunt.com/>).

Cara menggunakan torrent


Cari fail yang anda ingin download pada laman torrent yang popular seperti ThePirateBay.




Untuk memastikan download anda laju, pilih fail torrent yang mempunyai paling banyak 'seeder'.



Kebanyakan laman torrent menyediakan link magnet, di mana ia akan membuka uTorrent dan terus memulakan download.



Kini anda hanya perlu tunggu download anda untuk selesai. Setelah siap, anda secara automatik akan menjadi seeder bagi membantu orang lain download fail yang sama. Anda boleh berhentikan proses seed ini dengan membuang fail torrent tersebut (fail yang anda telah download tetap disimpan).




Tips 11: Download menggunakan jDownloader

Selain daripada torrent, satu lagi cara untuk mencari filem/lagu kegemaran anda adalah melalui website perkongsian fail seperti Rapidshare dan Mediafire. Biasanya website seperti ini memerlukan anda memasukkan CAPTCHA, kemudian anda harus tunggu buat beberapa ketika sebelum download, dan macam-macam hal lagilah. Jadi untuk mengelakkan kerja-kerja remeh seperti ini, gunakan jDownloader (<http://jdownloader.org/>).

Cara menggunakan jDownloader


Lancarkan jDownloader.
Kemudian, cari lagu/filem yang anda ingin download di Google, ataupun laman carian fail popular FileTube (filetube.com).




Copy URL bagi fail tersebut.




Jika URL yang anda copy tadi sah, jDownloader akan terus dapat menangkapnya pada tab Linkgrabber.

Pilih link tersebut dan mulakan download dengan menekan butang 



Proses download sudah bermula, biarkan sehingga ianya selesai.




Tips 12: Download video dan mp3 dari YouTube

YouTube (<http://www.youtube.com/>) adalah laman web perkongsian video yang paling popular di Internet, serta merupakan destinasi kedua paling kerap dilawati selepas Facebook. Daripada video tentang cara-cara memasak ayam sambal tumis, ke filem pendek terkini Marianne, ke liputan semasa tentang keadaan di Asia Tengah; YouTube menjadi sumber ilmu yang yang tidak terHINGGA kepada mereka yang tak berapa rajin nak membaca.

Tak sahlah kalau video atau lagu yang anda ingin cari tiada di YouTube. Anda boleh download video-video ini dengan mudah menggunakan jDownloader. Malah, anda juga boleh memilih untuk mengambil audio sahaja, iaitu berbentuk mp3.

Langkah-langkah untuk download video/mp3 dari YouTube


Buka video di
YouTube dan copy
URL dari Address Bar.



jDownloader akan menyenaraikan fail yang boleh anda download pada tab Linkgrabber.

Di sini anda boleh lihat pelbagai jenis format video yang anda boleh download, malah anda juga boleh memilih kualiti video yang anda suka.

Bagi fail audio pula, anda boleh pilih fail jenis .mp3




Tips 13: Dapatkan password Wi-Fi yang telah dimasukkan dahulu

Password bagi sambungan Wi-Fi di rumah mungkin merupakan satu-satunya password yang anda perlu masukkan sekali sahaja, kemudian terus anda tinggalkan. Nanti bila ada kawan-kawan yang singgah di rumah dan hendak tumpang Wi-Fi, terkontang-kantinglah anda tak tahu nak jawab apa.


Untuk menjimatkan masa anda berjalan ke router untuk merujuk password yang anda tampilkan dengan kertas Post-It tersebut, ikuti langkah-langkah mudah ini untuk mengetahui password Wi-Fi yang telah anda masukkan dahulu.

Cara mendapatkan kembali password Wi-Fi

Right-click pada mana-mana sambungan Wi-Fi yang pernah anda masukkan dahulu, dan klik Properties.



Pada tab 'Security', tandakan pada kotak "Show characters", dan password akan dipaparkan.



BAB 2: Media dan hiburan

Tips 14: Uruskan koleksi foto dengan Picasa


Memory card sudah semakin lama semakin murah, jadi semakin senanglah untuk anda menyimpan beratus-ratus foto ke dalam komputer. Nak lagi bila baru balik dari bercuti, maka penuhlah kamera dengan gambar-gambar bangunan, pantai dan makanan. Orang Malaysia suka sangat ambil gambar makanan, tak tahulah kenapa.

Foto dari kamera biasanya dinamakan secara automatik dengan gabungan huruf dan nombor yang anda tak faham seperti IMG2450 atau DC3885. Oleh kerana nama-nama ini tidak memberi sebarang maklumat pun kepada anda, anda memerlukan software yang boleh menguruskan koleksi foto supaya ia senang dicari dan diterokai dengan mudah. Satu software yang bagus untuk tujuan ini adalah Picasa (www.google.com/picasa).


Tips menggunakan Picasa

IMPORT FOTO KE DALAM PICASA

Kali pertama anda menjalankan Picasa, ia akan bertanya folder mana yang anda ingin masukkan. Buat pilihan anda dan Picasa akan membina maklumat tentang segala foto yang anda miliki.




Setelah siap, anda boleh lihat senarai folder di sebelah kiri, dan thumbnail bagi foto-foto anda di sebelah kanan.



TAG RAKAN DAN KELUARGA

Klik pada tab People di sidebar kiri, dan anda dapat lihat muka-muka yang dikenalpasti Picasa.


Berikan nama bagi orang yang berada di dalam foto tersebut, supaya mudah untuk anda mencarinya pada masa depan.



EDIT FOTO

Double-click pada mana-mana foto, dan anda akan diberi pelbagai alat untuk mengedit foto tersebut.


Antaranya adalah crop, membuang red-eye, menambahkan teks, dan banyak lagi.



RESIZE BANYAK FOTO SEKALIGUS


Foto yang diambil dengan kamera biasanya bersaiz sangat besar. Namun jika anda nak upload ia ke Internet, lebih baik anda kecilkan ia terlebih dahulu.

Anda boleh resize sejumlah foto sekaligus dengan memilih foto-foto tersebut, klik Export, dan tetapkan saiz.



BUAT KOLAJ DARI BANYAK FOTO

Kumpulkan foto-foto yang anda ingin jadikan kolaj, dan pilih Create > "Picture Collage..." dari menu di bahagian atas.



Tips 15: Edit foto dengan PhotoScape


Kerja-kerja mengedit gambar biasanya dilakukan dengan Photoshop, sememangnya sebuah software popular yang digunakan oleh photographer dan web designer professional.

Namun jika anda hanya ingin melakukan pengubahsuaian yang ringkas, dan tidak mahu menghadap Photoshop yang kompleks lagi menyemakkan kepala, terdapat banyak lagi software alternatif yang mudah dan percuma, seperti Photoscape (<http://www.photoscape.org/>).

Fungsi-fungsi dalam Photoscape

EDITOR


Dengan Editor anda boleh membuat pelbagai jenis edit seperti rotate, crop, resize, tambahkan teks, anak panah, dan banyak lagi.



PAGE


Page membolehkan anda membuat kolaj daripada banyak foto mengikut layout yang disediakan.

Anda hanya perlu “drag and drop” foto-foto berkenaan dan Photoscape akan menyesuaikan ke dalam layout secara automatik.




COMBINE

Combine membolehkan anda menggabungkan foto-foto, samada secara menegak ataupun melintang.



ANIMATED GIF

Seperti namanya, fungsi ini digunakan untuk membuat fail animasi berbentuk GIF untuk digunakan pada laman web.



Tips 16: Uruskan koleksi lagu dengan Windows Media Player

Berapa banyak jumlah mp3 yang terdapat dalam komputer anda? Beratus, beribu? Sewaktu di kolej dulu saya kenal seorang senior yang punyai senarai playlist yang pangjangnya tahap tidak terbatas, tapi hari-hari pun ulang album Black & Blue dari Backstreet Boys juga (saya teringin nak copy tapi bimbang akan cemuhan rakan sebaya).



Windows didatangkan dengan Windows Media Player (WMP) untuk memainkan serta menguruskan lagu-lagu anda. Anda boleh lihat kesemua lagu yang anda miliki pada bahagian Music Library.

Tips menggunakan Windows Media Player

TETAPKAN FOLDER BAGI KOLEKSI LAGU

Anda boleh menetapkan folder mana yang perlu di-scan untuk mendapatkan lagu.


Pada menu di bahagian atas, pergi ke File > Manage Libraries > Music



LENGKAPKAN MAKLUMAT LAGU


Biasanya bagi fail mp3 yang di-download dari Internet, maklumat seperti nama album, nama artis, dan nama lagu adalah tidak lengkap.

Hanya perlu klik (atau tekan F2) pada maklumat tersebut untuk mengubahnya.




Anda juga boleh download maklumat ini secara automatik dari Internet.

Klik kanan pada mana-mana lagu atau album, dan pilih "Find album info".




Sekiranya anda tak berkenan dengan gambar kulit album yang diberikan, anda boleh tukar dengan gambar pilihan anda sendiri.

Dapatkan gambar tersebut dari Internet dan copy.




Pada WMP, klik kanan pada album dan pilih 'Paste album art'



BUAT PLAYLIST

Anda boleh buat pelbagai playlist dengan mudah.

Susun lagu-lagu di sebelah kanan, berikan nama bagi playlist tersebut, dan klik "Save List".



Tips 17: Uruskan koleksi lagu dengan iTunes

Bagi sesiapa yang memiliki apa-apa device keluaran Apple seperti iPod, iPhone, dan iPad; mereka mungkin lebih gemar menggunakan iTunes untuk menguruskan koleksi lagu. Saya sendiri mempunyai iPod Shuffle yang menjadi peneman setiap kali saya bersenam ataupun sewaktu menunggu bas. Terutamanya sewaktu menunggu bas lah, bersenam tu hanya berlaku tiga bulan sekali je kot.

iTunes (<http://www.apple.com/itunes/download/>) menjadikan proses memasukkan lagu ke dalam iDevice menjadi sangat mudah dengan membenarkan anda memilih playlist, album, ataupun artis yang ingin dimasukkan. Selalunya saya hanya akan memasukkan satu album pada satu masa, membolehkan saya menghayati dan menghargai muzik baru dengan lebih baik.

Tips menggunakan iTunes

MASUKKAN LAGU KE DALAM LIBRARY


Tambahkan lagu dari menu File > “Add File/Folder” to Library...”



LENGKAPKAN MAKLUMAT LAGU


Tekan Ctrl+I untuk
melengkapkan
segala maklumat
tentang lagu/album.
Teknik ini juga boleh
dilakukan ke atas
banyak fail sekaligus.

Sekiranya
lagu/album anda
tidak mempunyai
gambar kulit,
masukkan ia pada
tab Artwork.




BUAT PLAYLIST


Tekan Ctrl+N untuk membuat playlist baru. Kemudian “drag & drop” lagu-lagu yang anda ingin sertakan di dalam playlist tersebut.



ULANG SATU LAGU SAHAJA

Satu fungsi kecil yang saya suka pada iTunes adalah kebolehan untuk memainkan satu lagu sahaja berulang-kali.


Cari butang repeat (), dan klik dua kali untuk “repeat item”.



**MASUKKAN LAGU KE
DALAM IPOD/
IPHONE/IPAD**

Apabila anda menghubungkan iDevice anda ke komputer, iTunes akan dilancarkan.


Anda boleh melihat segala maklumat mengenai device anda pada iTunes.



Pergi ke tab Music dan tandakan pada kotak "Sync Music".

Di sinilah anda boleh pilih lagu dengan mudah, samada anda pilih playlist yang telah anda susun, atau pilih berdasarkan artis, album, malah genre.


Apabila selesai memilih lagu, klik 'Apply' untuk memulakan sync.



LAYARI ITUNES STORE

iTunes Store merupakan sebuah platform untuk membeli lagu secara sah. Ia juga menyediakan pembelian filem dan buku (untuk iPhone dan iPad).

Selain lagu, satu lagi bahagian yang paling popular dan berguna pada iTunes ialah Podcasts. Di sini anda boleh download pelbagai jenis podcast secara percuma, dan sync ia ke iPod/iPhone/ iPad anda pada bila-bila masa. Bukan sahaja podcast ini dapat mengajar anda sesuatu yang baru, malah ia sesuai didengar sewaktu terperangkap di dalam trafik.



Tips 18: Mainkan video dengan VLC Player

Bagi penggemar film yang obses seperti saya, pemain video merupakan software kedua paling kerap digunakan selepas pelayar web. Mana taknya, hampir setiap hari saya akan cuba untuk satu tonton film baru, kemudian setelah selesai saya habiskan masa untuk membaca trivia-nya di IMDB.

Jadi pemain video tersebut haruslah mampu menangani fail video yang bermacam-macam kerenahnya. Ada fail yang mengandungi dua sarikata, ada yang sarikatanya tidak sama dengan audio, ada video yang senget apabila dimainkan, dan sebagainya.


Windows Media Player yang didatangkan dengan Windows adalah agak terhad fungsinya bagi video-video begini. Jadi, saya menggunakan VLC Player (<http://www.videolan.org/>), sebuah pemain video yang mempunyai pelbagai fungsi.

Tips menggunakan VLC Player

MASUKKAN SARIKATA


Jika video anda didatangkan dengan fail sarikata (.srt atau .sub), anda hanya perlu memastikan nama fail tersebut sama dengan nama fail video.

Seperti contoh di sebelah, sarikata bagi video "12 Monkeys" adalah "12 Monkeys.sub"



BETULKAN MASA BAGI SARIKATA

Jika anda dapati sarikata tersebut tidak sama dengan video, anda boleh awalkan atau lambatkan ia dari menu Tools > Synchronization, dan pergi ke bahagian "Subtitle track synchronization".



MEMILIH AUDIO


Ada video yang didatangkan dengan audio berlainan bahasa. Anda hanya perlu pilih dari menu Audio > Audio Track



MELOMPAT KE DEPAN/BELAKANG DENGAN PANTAS

Kadang-kala anda perlu mengulang, atau pergi ke bahagian yang tertentu pada video. VLC menyediakan pelbagai shortcut key untuk tujuan ini.

Anda boleh lihat kesemua shortcut key tersebut dari Tools > Preferences > Hotkeys



BETULKAN ASPECT RATIO

Antara masalah yang boleh timbul pada fail video adalah ianya kelihatan kemik (stretched).


Baiki masalah ini dengan memilih Aspect Ratio yang sesuai.



ALWAYS ON TOP

Dengan fungsi Always On Top, video anda akan sentiasa kelihatan walaupun anda sedang menggunakan aplikasi yang lain.

Mungkin berguna kalau anda sedang membuat assignment, tapi masih nak tengok filem sebagai hiburan (tak digalakkan).



VIDEO TIDAK DAPAT DIMAINKAN? DOWNLOAD CODEC

Pada Windows 7 dan sebelumnya, sesetengah video tidak dapat dimainkan, ini kerana ia tidak mempunyai codec yang tertentu. Untuk memasang kesemua codec ini, anda boleh download dan install K-Lite Codec di http://codecguide.com/download_kl.htm



Tips 19: Beli, download, dan main games dengan Steam

Kita suka beli barangan cetak rompak bukanlah sebab kedekut, tapi kerana nak beli yang original itu sangat leceh. Software original biasanya memerlukan segala jenis activation untuk melindunginya daripada cetak rompak, namun akhirnya lebih menggalakkan cetak rompak itu sendiri.


Jika proses pembelian ini dimudahkan, pengguna tak kisah untuk membayar sedikit harga untuk memiliki software yang asli. Hal ini dibuktikan dengan Steam (<http://store.steampowered.com/>), sebuah platform yang membolehkan anda membeli game dan terus install pada komputer anda.

Proses pembelian ini sangat mudah, anda tidak perlu lagi berjalan ke kedai komputer di bandar anda untuk menyelak DVD game satu-persatu. Malah, Steam selalu menawarkan harga promosi terutamanya bagi game yang lama. Saya sendiri selalu mendapatkan game yang ditawarkan pada harga USD5 ke USD 10 (kira-kira RM 15 ke RM30), sesuai untuk jiwa serta laptop saya yang retro.


Tips menggunakan Steam

LOGIN DAN BROWSE STEAM


Klik "Create a new account" untuk mendaftar sebuah akaun di Steam, atau terus login jika anda sudah mempunyai akaun.




Anda boleh browse senarai game yang ditawarkan pada bahagian STORE. Laman hadapan Steam biasanya memaparkan game yang mempunyai harga promosi.



Anda juga boleh browse game berdasarkan kategori. Terdapat juga game yang ditawarkan secara percuma di bawah kategori "Free To Play", biasanya game ini adalah berbentuk MMO.



Sesetengah game membenarkan anda untuk men-download demo bagi mencuba game tersebut, terutamanya dari segi kesesuaian dengan komputer anda.



CARA MEMBELI GAME

Jika anda menjumpai apa-apa game yang anda berkenan, klik "Add to Cart" untuk membelinya. Harga yang dipaparkan adalah dalam USD.

Pada skrin seterusnya, klik "Purchase for Myself" atau "Purchase as a Gift".



Jika ini kali pertama anda membuat pembelian, isikan maklumat tentang cara pembayaran anda dan klik 'Continue'.

(Bagi yang tidak mempunyai kad kredit, anda juga boleh menggunakan kad debit untuk pembayaran, contohnya kad debit Maybank).

Steam View My Profile Friends Games Help

← → **STORE** LIBRARY COMMUNITY NEWS

Valve Corporation [US] <https://store.steampowered.com/checkout/?purchaseType=self>

Payment Info ▶ Review + Purchase

Payment method
Please select a payment method
PayPal

Billing information
First name Last name City
Muhammad Khairul
Billing address
Billing address, line 2
Zip or postal code
Country
Malaysia
☒ I currently live in the country selected above
☒ Save my payment information so checkout is easy next time
You'll have a chance to review your order before it's placed.
CONTINUE

Payment Methods
We accept the following secure payment methods:
Discover, Visa, MasterCard, American Express, JCB, PayPal, ClickandBuy
When you submit your payment information your data is protected by Secure Socket Layer (SSL) technology certified by a digital certificate.

+ ADD A GAME... VIEW FRIENDS LIST 0 Online ?

Skrin pengesahan akan dipaparkan buat kali terakhir. Klik "Purchase" dan kad kredit/debit anda akan dicaj, kemudian anda boleh terus download game tersebut.

Steam View My Profile Friends Games Help

← → **STORE** LIBRARY COMMUNITY NEWS

Valve Corporation [US] <https://store.steampowered.com/checkout/?purchaseType=self>

Payment Info ▶ **Review + Purchase**

SNIPER Sniper Ghost Warrior Gold Edition \$1.99 USD

Subtotal:	\$1.99 USD
Tax:	\$0.00 USD
Total:	\$1.99 USD

Payment method: (Change)
Gift options: None, this purchase is for your own account.
Billing Address:
Phone:
Steam account:
☒ I agree to the terms of the [Steam Subscriber Agreement](#) (last updated 12/11/2012.)
PURCHASE

Purchasing on Steam
When you submit your payment information your data is protected by Secure Socket Layer (SSL) technology certified by a digital certificate.
Once you've completed this transaction, you'll receive an email message confirming receipt of your purchase.

+ ADD A GAME... NO CONNECTION VIEW FRIENDS LIST 0 Online ?

URUSKAN GAMES YANG DIMILIKI

Kesemua game yang telah anda download akan dipaparkan pada LIBRARY. Klik pada mana-mana game ini untuk memainkannya.



Tips 20: Beli download, dan baca buku dengan Kindle

Buku fizikal mungkin takkan dapat diganti sepenuhnya oleh buku digital kerana ia masih merupakan cara terbaik untuk membaca. Buku fizikal sedap dipegang, tidak memerlukan bateri, boleh dikongsi, malah boleh digunakan untuk menutup muka sewaktu tidur petang di taman.

Namun, tidak dinafikan bahawa pengaruh buku digital semakin besar. Buku digital menjimatkan ruang, tak memerlukan rak dari IKEA, tak perlu disusun apabila bersepah, dan tak perlu dibersihkan daripada habuk (kalau anda ada emak/isteri yang suka berleter, silalah beralih kepada buku digital).

Kindle (<http://www.amazon.com/gp/kindle/pc/download>) merupakan sebuah software yang berfungsi sebagai rak buku digital anda. Kindle dibina oleh Amazon (<http://www.amazon.com>), sebuah laman web beli-belah terbesar di dunia, jadi anda boleh terus membeli buku dari laman web tersebut.

Seperti Steam ([tips 19](#)), Kindle telah menjadikan proses pembelian sangat mudah, ramai pengguna tak kisah untuk membayar sedikit harga untuk mendapatkan barangan yang original.

Tips menggunakan Kindle

BELI BUKU KINDLE DARI AMAZON


Login ke dalam Kindle menggunakan akaun Amazon anda.

Anda boleh beli buku dari amazon.com (pastikan buku yang anda beli adalah Kindle Books), dan hantar ia terus ke Kindle anda.




URUS DAN BACA BUKU PADA KINDLE

Buku-buku yang dibeli akan dikumpulkan pada Kindle untuk dibaca.




Apa yang bagusnya tentang Kindle adalah saiz teks akan disesuaikan mengikut skrin, tidak kiralah samada anda menggunakan monitor jenis widescreen ataupun pada telefon bimbit yang kecil.


Cara ini lebih munasabah berbanding format PDF biasa, di mana ianya diformatkan mengikut saiz buku tradisional, walaupun saiz skrin sebenarnya sangat berbeza-beza.



Bagaikan membaca buku sebenar, Kindle membenarkan anda untuk menanda bookmark dan highlight pada ayat dan perkataan.



Dan jangan lupa fungsi Search, satu fungsi yang anda harap anda boleh lakukan pada buku fizikal.



Tips 21: Gunakan WordWeb sebagai kamus bahasa inggeris

Bagi saya, cara yang lebih berkesan untuk belajar Bahasa Inggeris adalah dengan merujuk kamus Inggeris-ke-Inggeris, berbanding dengan kamus Inggeris-ke-Melayu. Bukan sahaja pendedahan anda kepada Bahasa Inggeris lebih banyak, malah anda dapat membiasakan diri dengan penggunaan perkataan-perkataan tersebut dalam ayat yang lengkap.

Satu software kamus pada Windows yang saya telah gunakan sejak bertahun-tahun adalah WordWeb (<http://wordweb.info/>). Meskipun laman Google sendiri membolehkan anda mencari makna perkataan dengan mudah, saya lebih gemarkan WordWeb kerana ia boleh digunakan secara offline.


Cara menggunakan WordWeb

MENCARI MAKNA PERKATAAN

Taipkan perkataan dalam kotak Lookup, dan WordWeb akan memaparkan maknanya dengan serta-merta.

Contoh ayat atau frasa akan diberikan bagi setiap makna.


Seperti yang anda lihat di sebelah, WordWeb turut menyediakan sinonim (perkataan yang serupa) bagi perkataan yang dicari.




MENGGUNAKAN HOTKEY

WordWeb mempunyai hotkey yang membolehkan anda highlight perkataan pada apa-apa program lain, dan mengeluarkan maknanya pada WordWeb.

Untuk mengaktifkan hotkey ini, pergi ke menu Options > 'HotKey...'



Pastikan kotak "Enable one-click look up" ditanda, kemudian tetapkan hotkey tersebut mengikut kesesuaian anda.



Satu kelemahan WordWeb adalah ia tidak mampu mengesan salah ejaan. Jadi jika anda mempunyai perkataan dalam kepala tapi tidak dapat mengingat ejaan yang betul, anda masih perlu online dan cari ejaan yang betul di Google.

Tips 22: Catat nota dengan Evernote

Kemahiran mengambil nota adalah sangat berguna dalam apa jua tugas yang anda lakukan. Samada anda ingin membuat ringkasan akan topik yang anda pelajari, catatkan arahan MySQL buat rujukan di kemudian hari, atau senaraikan barang yang perlu dibeli di pekan sari.

Bagi sesetengah orang, kertas dan pena masih merupakan pilihan, dan kadang kala ianya memang lebih berkesan. Namun jika anda seorang yang lebih gemar menggunakan teknologi, anda boleh mencatat dan menyimpan segala nota-nota ini pada satu tempat dengan Evernote.


Evernote boleh diakses dari laman web (<http://www.evernote.com/>), laptop, tablet, mahupun smartphone. Nota-nota ini adalah diselaraskan pada semua device yang anda miliki, jadi anda boleh catat dan buka kembali nota anda dari mana sahaja.

Cara menggunakan Evernote

GUNA AKAUN YANG SAMA PADA SEMUA DEVICE

Setelah install Evernote, login dengan akaun yang telah anda daftar dari laman evernote.com

Anda boleh gunakan akaun yang sama pada semua device yang anda miliki (komputer, tablet, smartphone).




MULAKAN MENCATAT NOTA

Evernote membenarkan pelbagai jenis maklumat untuk dimasukkan ke dalam nota anda.

Anda boleh menetapkan jenis dan saiz font, memasukkan imej, menyertakan fail sebagai attachment, dan sebagainya.


Malah Evernote juga boleh mengenalpasti teks yang terdapat dalam imej.



GUNAKAN SEARCH

Selain daripada mencatat nota, satu lagi fungsi yang paling penting pada Evernote adalah fungsi carian.

Apabila anda mula menaip, Evernote akan terus memaparkan hasil carian berdasarkan segala huruf yang telah anda taip.




URUSKAN NOTA DENGAN NOTEBOOK DAN TAGGING

Uruskan nota-nota anda dengan meletakkan ia ke dalam Notebook yang berlainan.

Contohnya anda ada satu Notebook bagi segala urusan yang kerja, dan satu Notebook bagi segala hal yang lain.

Anda juga boleh meletakkan tag.

Contohnya bagi nota programming, saya letakkan tag PHP, CSS, Ruby, dan sebagainya.



BAB 3: Penjagaan komputer

Tips 23: Tambahkan device bluetooth


Dulu saya bekerja dengan Khailee yang mempunyai kemahiran menggunakan touchpad secara luar biasa. Lagenda pejabat mengatakan yang beliau mampu melukis gajah pada Paint, hanya dengan menggunakan touchpad.

Meskipun saya sangat kagum akan bakat semulajadi ini, namun saya masih tidak sukakan touchpad pada laptop, dan sanggup membawa mouse wireless saya ke mana-mana. Mouse merupakan aksesori laptop yang paling penting bagi saya, dan mouse yang baik akan membuatkan saya lebih produktif dan lebih gembira membuat kerja.

Selain daripada mouse, anda mungkin mahu menghubungkan device wireless lain kepada komputer, seperti smartphone. Ikuti tips di bawah untuk melakukannya.

Cara memasang device wireless


Buka Control Panel dan cari “Add a device”.



Aktifkan Bluetooth pada device anda supaya boleh dicari oleh Windows. Apabila ia dikesan, pilih device tersebut dan klik 'Next'.

Device yang berbeza mempunyai cara pairing yang berbeza. Smartphone akan memerlukan kod untuk pairing, mouse tidak perlu.

Windows akan mula menghubungkan device anda kepada komputer, tunggu hingga ianya selesai.



Tips 24: Ketahui maklumat asas mengenai komputer anda

Dari segi hardware, setiap komputer dibina daripada komponen yang berbeza-beza. Perkara yang paling penting perlu diketahui mengenai komputer anda adalah jenis dan kelajuan CPU, saiz RAM, serta saiz hard disk. Tidak lupa juga kad grafik, sekiranya anda mempunyai kad grafik tambahan.


Maklumat ini berguna sekiranya anda ingin upgrade komputer anda, ataupun memeriksa kesesuaian dengan sesetengah software ataupun game.

Tips mendapatkan maklumat tentang komputer

BUKA COMPUTER PROPERTIES


Right-click pada Computer dan klik Properties.

Anda juga boleh menggunakan shortcut: Win+Pause.



Di sini anda boleh lihat:


- Jenis Windows yang digunakan,
- Jenis dan kelajuan CPU
- Saiz RAM
- Jenis OS (32-bit atau 64-bit)



KETAHUI SAIZ SETIAP PARTITION

Cara paling mudah untuk melihat saiz hard disk adalah pada Computer.

Di sini anda dapat melihat saiz setiap partition beserta ruang kosong yang masih ada.




KETAHUI SAIZ SETIAP HARD DISK

Jika anda mempunyai lebih dari satu hard disk, ataupun jika anda mempunyai partition yang tidak muncul pada Computer, gunakan Disk Management.


Buka Run, dan taipkan
`diskmgmt.msc`

Anda boleh dapatkan saiz keseluruhan hard disk, serta partition yang terkandung di dalamnya.



GUNAKAN SPECCY

Anda juga boleh gunakan Speccy (<http://www.piriform.com/speccy>), sebuah software yang boleh menyenaraikan segala maklumat asas mengenai hardware bagi komputer anda.



Tips 25: Matikan autoplay untuk mengelakkan virus

Autoplay merupakan fungsi yang dibina pada Windows untuk memainkan media secara automatik.


Fungsi ini banyak digunakan oleh CD dan DVD. Contohnya apabila anda memasukkan DVD filem, filem tersebut akan terus dimainkan oleh Windows Media Player. Ataupun bila anda memasukkan CD pemasangan bagi Microsoft Office, installer-nya akan terus dilancarkan.

Masalahnya, para penulis virus komputer suka menyalahgunakan fungsi ini untuk melancarkan virus mereka secara automatik, terutamanya dari USB drive. Sebab itu adalah dinasihatkan supaya anda terus mematikan fungsi AutoPlay ini bagi mengurangkan risiko jangkitan virus.


Langkah-langkah mematikan AutoPlay

Buka Control Panel.
dan cari 'Autoplay'.

Klik "Start or stop
using autoplay for all
media d devices"



Kosongkan kotak
'Use AutoPlay for all
media and devices',
dan tekan butang
Save. Itu sahaja.



Tips 26: Matikan UAC (Universal Access Control)

Seperti Autoplay, UAC merupakan satu lagi fungsi pada Windows 7 yang dibina dengan niat yang suci lagi murni, namun akhirnya menyusahkan pengguna.


UAC bertujuan untuk melindungi anda daripada aplikasi yang ingin membuat sebarang perubahan kepada sistem tanpa kebenaran. Masalahnya, apabila anda sendiri ingin melakukan operasi tersebut, contohnya meg-install sesuatu software, sebuah kotak amaran akan muncul setiap kali. Cukup lima kali sehari kotak UAC ini muncul, tentu anda rasa seperti ingin menghentak monitor menggunakan siku.

Jika anda seorang pengguna Windows yang berpengalaman dan pasti dengan apa yang anda lakukan, anda boleh membatalkan fungsi ini.

Langkah-langkah mematikan UAC


Buka Control Panel dancari 'UAC'.

Klik pada "Change User Account Control settings".



Ubah tetapan kepada "Never notify" dan tekan OK.

UAC akan dipaparkan buat kali terakhir, jadi tekan sahaja butang Yes. Selepas itu akan tidak akan diganggu lagi dengan window UAC.



Tips 27: Lajukan startup dengan msconfig dan Autoruns


Perasan tak yang semakin tua komputer anda, semakin lama masa diambil untuk memulakan Windows? Ini kerana sewaktu komputer dihidupkan, Windows perlu dibuka terlebih dahulu bersama beberapa software penting yang lain seperti antivirus dan firewall. Senarai program yang dibuka secara automatik tersebut disimpan dalam senarai startup.

Semakin banyak software yang anda install, semakin banyaklah program yang memasuki senarai startup, walaupun ia tidak penting pun untuk dibuka secara automatik. Akibatnya, proses memulakan Windows anda menjadi lambat. Anda tidak perlu untuk uninstall program tersebut, sebaliknya anda hanya perlu mengemaskini senarai startup menggunakan msconfig.


Cara mengubah senarai Startup

EDIT SENARAI STARTUP PADA WINDOWS 7

Tekan Win+R untuk membuka Run. Taip 'msconfig' dan tekan Enter.




Pergi ke tab Startup. Di sini anda boleh pilih program apa yang akan dijalankan secara automatik apabila Windows dimulakan.




EDIT SENARAI STARTUP PADA WINDOWS 8

Right-click pada taskbar untuk membuka Task Manager.




Pergi ke tab 'Startup', dan right-click pada mana-mana entri untuk membenarkan atau membatalkan ia dari senarai startup.



GUNAKAN AUTORUNS

Selain msconfig, anda boleh gunakan Autoruns yang mempunyai senarai startup yang lebih terperinci.

Dapatkan Autorun di:
<http://technet.microsoft.com/en-us/sysinternals/bb963902.aspx>



Tips 28: Ketahui apa yang menggunakan ruang hard disk dengan WinDirStat

Dengan saiz hard disk yang sangat besar sekarang (dah mencapai Terabyte pun), biasanya kita tak kisah pun akan masalah kekurangan ruang. Nak lagi bila ada sambungan Internet yang laju, penuhlah komputer dengan pelbagai software, game, dan segala jenis cerita Korea selagi mana boleh download.

Ada juga fail dan folder yang dah tak digunakan lagi, tapi kita tak perasan. Jadi terbiarlah ia memakan ruang pada hard disk, sedangkan ia boleh menyimpan data yang anda betul-betul perlukan. Kemudian satu hari, tiba-tiba keluar mesej daripada Windows yang memberitahu anda ruang pada hard disk sedang kehabisan. Apa perlu anda buat?


Untuk mengetahui fail-fail apa yang boleh anda delete, gunakan WinDirStat (<http://windirstat.info/>). Ia mampu mengenalpasti bahagian mana dalam hard disk yang memakan banyak ruang dalam laporan yang terperinci.

Cara-cara menggunakan WinDirStat

MENGANALISA HARD DISK


Apabila anda melancarkan WinDirStat, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah menganalisa hard disk.

Pilih lokasi yang anda ingin analisa dan klik OK.



Setelah proses scan selesai, laporan akan dipaparkan dalam bentuk visual.


Anda boleh melihat folder manakah yang mengambil paling banyak ruang, serta saiz yang digunakan. Sebagai contoh, folder 'Users' saya sahaja menggunakan 212.8GB, iaitu 89% daripada hard disk.



Anda boleh perincikan lagi senarai tersebut dengan klik pada mana-mana folder.

Perhatikan juga bahagian Treemap yang disusun mengikut warna. Ini memudahkan anda untuk mengetahui fail jenis apakah yang banyak ada.


Dalam contoh di sebelah, terdapat banyak kotak berwarna biru yang menandakan komputer saya banyak dipenuhi dengan fail video (semua koleksi filem saya, sayangnya nak delete kan).



LAKUKAN PELBAGAI FUNGSI PADA FAIL DAN FOLDER

Salah satu fungsi yang berguna adalah “Explorer Here”, di mana ia akan membuka explorer pada tempat di mana fail/folder anda berada.

Anda juga boleh delete fail dan folder terus di WinDirStat.



Ingat, anda tidak semestinya perlu delete fail atau folder yang paling banyak mengambil ruang, sebaliknya delete fail yang anda tidak gunakan.

Bagi saya sendiri, walaupun hard disk saya hanya dipenuhi dengan filem-filem, namun itulah hobi saya jadi saya simpan kesemuanya (kalau anda pun kaki wayang, bolehlah la kita jumpa minum kopi dan bersembang sampai pagi.)

Tips 29: Kembalikan fail yang hilang dengan Recuva

Pernah dahulu sewaktu di kolej, saya dengan tidak sengaja tertekan format pada kad memori di kamera. Hilanglah segala foto yang ditangkap, tujuh hari tujuh malam saya menangis tak berlagu.


Kalaulah saya tahu yang sebenarnya ada cara untuk mendapatkannya kembali. Ini kerana apabila anda delete sebuah fail, komputer hanya akan 'menandakan' fail tersebut sebagai telah dipadam, namun sebenarnya ia masih lagi disimpan. Hanya bila ada fail baru yang masuk, barulah fail lama tadi dibuang untuk menyediakan ruang untuk fail baru.

Jadi, jika anda ingin mendapatkan kembali fail yang telah hilang ataupun dipadam, anda boleh cuba dengan menggunakan software yang boleh melakukan data recovery. Software jenis ini yang bagus biasanya sangat mahal, namun ada satu yang percuma dan senang digunakan iaitu Recuva (<http://www.piriform.com/recuva>).

Cara menggunakan Recuva

PILIH DRIVE UNTUK ANDA SCAN

Terlebih dahulu, anda perlu memilih partition atau hard disk mana yang mengandungi fail yang dicari. Kemudian, klik Scan.




CARI/LIHAT FAIL YANG ANDA INGIN RECOVER

Recuva akan menyenaraikan fail-fail yang dijumpai.

Fail dengan tanda merah adalah sudah rosak dan tidak boleh didapatkan kembali, manakala fail dengan tanda hijau masih boleh diselamatkan.


Recuva juga mempunyai fungsi Preview yang boleh memaparkan kandungan fail, terutamanya bagi fail jenis foto.



DAPATKAN KEMBALI FAIL TERSEBUT

Pilih fail apa yang anda ingin dapatkan dan tekan Recover. Anda dikehendaki menyatakan ke folder mana ingin anda simpan fail-fail tersebut.

Peringatan: Pilih folder yang berada pada partition atau drive yang berlainan, untuk mengelakkan kemungkinan fail lama itu di-overwrite oleh fail yang baru sebelum sempat diselamatkan.



Tips 30: Padam data selama-lamanya dengan Eraser

[Tips 29](#) ada menerangkan apa yang berlaku apabila anda delete sesuatu fail. Ianya masih lagi disimpan oleh Windows, dan masih ada kemungkinan untuk mendapatkannya kembali.


Bagaimana pula jika anda ingin betul-betul hapuskan fail tersebut? Mungkin ianya fail syarikat yang tidak boleh dikongsi, mungkin ianya data sulit yang perlu dilindungi, ataupun mungkin ianya gambar-gambar bekas teman wanita anda yang sangat perit untuk dikenang kembali.

Untuk tugas ini, anda boleh menggunakan Eraser (<http://eraser.heidi.ie/>). Terang-terang daripada namanya, Eraser mampu memadamkan fail agar ia tidak boleh didapati kembali.

Cara menggunakan Eraser

MEMADAMKAN FAIL MELALUI RIGHT-CLICK


Setelah memasang Eraser, anda boleh right-click pada mana-mana fail dan pilih Eraser untuk memadamkannya. Semudah itu sahaja.




MEMADAMKAN RUANG KOSONG PADA HARD DISK

Anda boleh memadamkan semua fail yang terdapat pada ruang kosong di dalam sesuatu folder, partition, ataupun keseluruhan HDD.


Buka Eraser dan pilih New Task.




Pada tab Schedule, klik "Add Data".



Pilih lokasi yang anda ingin padamkan.




Anda boleh mulakan tugas tersebut pada bila-bila masa dengan klik pada "Run Now".



Tips 31: Delete fail yang degil dengan Unlocker

Jika anda mengalami kesukaran dalam memadamkan fail, ataupun pemasangan bagi software terganggu kerana ia tidak dapat membuat perubahan kepada folder tertentu; kemungkinan besar ianya disebabkan oleh fail/folder tersebut sedang digunakan oleh aplikasi lain. Masalahnya, program tersebut selalunya tidak muncul pun pada taskbar anda untuk anda tutup.

Anda boleh menggunakan Unlocker (<http://www.emptyloop.com/unlocker/>) untuk menyelesaikan masalah ini. Cara menggunakannya mudah sahaja, hanya right-click pada fail atau folder yang menyebabkan masalah tersebut, dan pilih Unlocker.



Unlocker kemudiannya akan menyenaraikan aplikasi apakah yang sedang menggunakan fail/folder tersebut. Klik "Unlock All" dan kini anda boleh memadamkan fail tersebut seperti biasa.

Tips 32: Tutup aplikasi yang berhenti berfungsi


Sewaktu zaman Windows XP dan sebelumnya, agak kerap juga sesuatu program itu tiba-tiba berhenti berfungsi dan tak dapat ditutup. Zaman itulah yang Ctrl+Alt+Del sangat popular sebagai jalan terakhir untuk menutup aplikasi tersebut ataupun untuk restart komputer.

Namun semenjak Windows 7, masalah seperti ini sudah jarang berlaku. Jika ia masih terjadi kepada anda, anda boleh menyelesaikannya dengan mudah menggunakan Task Manager.


Cara menggunakan Task Manager

TUTUP APLIKASI DENGAN TASK MANAGER


Right-click pada Taskbar dan pilih Start Task Manager.



Pilih aplikasi yang ingin anda berhentikan dan tekan End Task. Itu sahaja.



PROCESS EXPLORER



Process Explorer - Sysinternals: www.sysinternals.com [probook\Khairul]

Process	PID	CPU	Private Bytes	Working Set	Description	Company Name
iPodService.exe	2900		1,472 K	4,876 K		
OSPPSVC.EXE	4656		1,816 K	8,128 K		
SteamService.exe	5244		5,980 K	8,520 K		
spsvc.exe	5704		4,340 K	5,892 K		
lsass.exe	644		1,956 K	6,324 K		
csrss.exe	520		2,192 K	7,456 K		
winlogon.exe	572		856 K	6,776 K		
dwm.exe	916		46,176 K	28,632 K		
explorer.exe	2200	0.98	42,420 K	82,928 K	Windows Explorer	Microsoft Corporation
SynTPEnh.exe	3664	< 0.01	2,268 K	9,756 K	Synaptics TouchPad Enhanc...	Synaptics Incorporated
SynTPHelper.exe	3784		464 K	2,424 K		
igfxtray.exe	3796		1,120 K	4,564 K	igfxTray Module	Intel Corporation
hkcmd.exe	3844		1,064 K	4,344 K	hkcmd Module	Intel Corporation
igfxpers.exe	3900		1,284 K	5,148 K	igfxpers Module	Intel Corporation
iTunesHelper.exe	3968	< 0.01	2,732 K	9,848 K	iTunesHelper	Apple Inc.
avgnt.exe	2672	< 0.01	4,952 K	7,380 K	Avira System Tray Tool	Avira Operations GmbH & ...
Steam.exe	3704	1.47	182,328 K	26,052 K	Steam	Valve Corporation
wwweb32.exe	3880	0.02	2,380 K	5,432 K		
Snagit32.exe	2068	4.38	24,456 K	41,912 K	Snagit	TechSmith Corporation
TechHelp.exe	240		716 K	3,388 K	TechSmith HTML Help Helper	TechSmith Corporation
SnagitPriv.exe	4092	0.15	1,112 K	4,704 K		
SnagitEditor.exe	4540	0.10	21,432 K	55,240 K	Snagit Editor	TechSmith Corporation
Launchy.exe	3240		10,700 K	19,588 K		
WINWORD.EXE	4584	0.01	86,096 K	133,648 K	Microsoft Word	Microsoft Corporation
splwow64.exe	5024		1,212 K	4,276 K	Print driver host for applicatio...	Microsoft Corporation
Taskmgr.exe	5060	0.25	7,896 K	16,680 K		
procexp.exe	1092	1.24	7,224 K	15,844 K	Sysinternals Process Explorer	Sysinternals - www.sysinter...

CPU Usage: 9.51% | Commit Charge: 21.52% | Processes: 56 | Physical Usage: 35.51%

Anda juga boleh menggunakan Process Explorer (<http://technet.microsoft.com/en-us/sysinternals/bb896653.aspx>), yang mengandungi maklumat terperinci mengenai segala program dan servis yang berjalan pada komputer anda. Software ini lebih sesuai digunakan oleh orang yang lebih pakar akan sistem komputer.

Tips 33: Selamatkan dokumen daripada Windows yang tidak boleh dibuka

Dalam banyak-banyak masalah Windows, masalah yang paling ditakuti sekali adalah Windows pun tak dapat dibuka. Kalau Windows pun tak dapat nak dimulakan, macam mana nak selamatkan segala dokumen anda, kan?

Sebenarnya, masih terdapat banyak cara untuk mengakses dokumen anda, dan cara yang paling senang adalah menggunakan Live CD. Live CD (atau USB) membolehkan anda menjalankan operating system terus dari CD itu sendiri, tanpa memerlukan pemasangan. OS sementara ini membenarkan anda mengakses dokumen di dalam hard disk, dan menyelamatkan apa yang perlu.

Antara Live CD yang paling popular dan mudah didapati adalah Ubuntu (www.ubuntu.com/). Ikuti langkah-langkah di bawah untuk cara penggunaannya.


Cara menggunakan Live CD/USB Ubuntu untuk menyelamatkan dokumen

JALANKAN LIVE CD/USB UBUNTU

Terlebih dahulu, download imej bagi Ubuntu dari www.ubuntu.com. Burn fail ISO tersebut ke dalam CD ([rujuk tips 49](#)) ataupun gunakan ia untuk membuat Live USB ([rujuk tips 62](#))

Restart komputer dan masukkan Live CD/USB Ubuntu (pastikan boot sequence ditetapkan kepada CD/USB bagi memastikan ianya dikesan).

Pilih “Try Ubuntu” untuk menjalankan Ubuntu terus dari CD/USB.





RECOVER DOKUMEN ANDA

Perhatikan sidebar yang terletak di bahagian kiri. Anda akan perasan beberapa ikon hard disk yang menandakan partition yang terdapat di dalam komputer anda.

Pilih partition yang mengandungi dokumen anda (anda boleh agak partition yang mana berdasarkan saiz partition tersebut) dan double-click.

Kini anda dapat browse segala dokumen sama seperti dalam Windows. Cari dokumen yang dikehendaki dan copy kesemuanya ke dalam tempat yang selamat, seperti USB drive ataupun external hard disk.



Tips 34: Reset password bagi Windows

Sudah lumrahnya manusia ini makhluk yang pelupa. Antara perkara yang selalu kita lupa adalah di mana letaknya kunci rumah, bila tarikh ulangtahun perkahwinan (bagi yang dah kahwin lah ye), dan kadang-kadang, apa password yang kita telah tetapkan pada Windows.

Buku ini tak dapat nak tolong anda cari balik kunci rumah ataupun ingatkan tarikh ulangtahun tersebut, tapi ia boleh membantu anda membatalkan password Windows supaya anda dapat mengakses kembali komputer anda.

Apa yang anda perlukan adalah Offline NT Password & Registry Editor (pogostick.net/~pnh/ntpasswd/) yang berfungsi sebagai Live CD, bermakna anda perlu menjalankan CD ini sebelum Windows dimulakan. Ikuti langkah-langkah berikut untuk cara-cara menggunakannya.

Cara-cara membatalkan password Windows

BINA LIVE CD/USB

Dapatkan fail ISO bagi Offline NT Password & Registry Editor dan bina live CD/USB daripadanya. Hidupkan komputer dengan Live CD/USB tersebut.

Pada skrin yang pertama dipaparkan, tekan Enter untuk memulakan program.

```
*****
*
*           Windows Reset Password / Registry Editor / Boot CD
*
*   (c) 1998-2011 Petter Nordahl-Hagen. Distributed under GNU GPL v2
*
*   DISCLAIMER: THIS SOFTWARE COMES WITH ABSOLUTELY NO WARRANTIES!
*               THE AUTHOR CAN NOT BE HELD RESPONSIBLE FOR ANY DAMAGE
*               CAUSED BY THE (MIS)USE OF THIS SOFTWARE
*
*   More info at: http://pogostick.net/~pnh/ntpasswd/
*   Email       : pnh@pogostick.net
*
*   CD build date: Wed May 11 20:16:09 CEST 2011
*****
Press enter to boot, or give linux kernel boot options first if needed
Some that I have to use once in a while:
boot nousb          - to turn off USB if not used and it causes proble
boot irqpoll        - if some drivers hang with irq problem messages
boot vga=ask        - if you have problems with the videomode
boot nodrivers      - skip automatic disk driver loading

boot: _
```

LANGKAH PERTAMA

Pilih partition yang mengandung folder Windows. Biasanya partition ini adalah "Local Disk (C:)" anda, dan anda boleh agak yang mana satu berdasarkan saiz dalam MB yang dipaparkan.

```
* (c) 1997 - 2010 Petter N Hagen - pnoordahl@eunet.no
* GNU GPL v2 license, see files on CD
* This utility will enable you to change or blank the password of
* any user (incl. administrator) on an Windows NT/2k/XP/Vista
* WITHOUT knowing the old password.
* Unlocking locked/disabled accounts also supported.
* It also has a registry editor, and there is now support for
* adding and deleting keys and values.
* Tested on: NT3.51 & NT4: Workstation, Server, PDC.
* Win2k Prof & Server to SP4. Cannot change AD.
* XP Home & Prof: up to SP3
* Win 2003 Server (cannot change AD passwords)
* Vista & Win7 32 and 64 bit, Server 2008 32+64 bit
* HINT: If things scroll by too fast, press SHIFT-PGUP/PGDOWN ...
*****
There are several steps to go through:
- Disk select, with optional loading of disk drivers
- PATH select, where are the Windows systems files stored
- File-select, what parts of registry we need
- Then finally the password change or registry edit itself
- If changes were made, write them back to disk
DON'T PANIC! Usually the defaults are OK, just press enter
all the way through the questions
=====
Step ONE: Select disk where the Windows installation is
=====
Disks:
Disk /dev/sda: 26.8 GB, 26843545600 bytes
Candidate Windows partitions found:
1 : /dev/sda1 100MB BOOT
2 : /dev/sda2 25498MB
Please select partition by number or
q == quit
d == automatically start disk drivers
m == manually select disk drivers to load
f == fetch additional drivers from floppy / usb
a == show all partitions found
l == show propbable Windows (NTFS) partitions only
Select: [1] 2
```

LANGKAH KEDUA

Masukkan path ke direktori bagi registry. Biasanya path ini memang adalah "Windows/System32/config", jadi anda hanya perlu biarkan ia dan terus tekan Enter.

```
There are several steps to go through:
- Disk select, with optional loading of disk drivers
- PATH select, where are the Windows systems files stored
- File-select, what parts of registry we need
- Then finally the password change or registry edit itself
- If changes were made, write them back to disk
DON'T PANIC! Usually the defaults are OK, just press enter
all the way through the questions
=====
Step ONE: Select disk where the Windows installation is
=====
Disks:
Disk /dev/sda: 26.8 GB, 26843545600 bytes
Candidate Windows partitions found:
1 : /dev/sda1 100MB BOOT
2 : /dev/sda2 25498MB
Please select partition by number or
q == quit
d == automatically start disk drivers
m == manually select disk drivers to load
f == fetch additional drivers from floppy / usb
a == show all partitions found
l == show propbable Windows (NTFS) partitions only
Select: [1] 2
Selected 2
Mounting from /dev/sda2, with assumed filesystem type NTFS
So, let's really check if it is NTFS?
Yes, read-write seems OK.
Mounting it. This may take up to a few minutes:
Success!
=====
Step TWO: Select PATH and registry files
=====
DEBUG path: windows found as Windows
DEBUG path: system32 found as System32
DEBUG path: config found as config
DEBUG path: found correct case to be: Windows/System32/config
What is the path to the registry directory? (relative to windows disk)
[Windows/System32/config]
```

Pilih '1' untuk reset password.

```
Selected 2
Mounting from /dev/sda2, with assumed filesystem type NTFS
So, let's really check if it is NTFS?
Yes, read-write seems OK.
Mounting it. This may take up to a few minutes:
Success!

=====
Step TWO: Select PATH and registry files
=====
DEBUG path: windows found as Windows
DEBUG path: system32 found as System32
DEBUG path: config found as config
DEBUG path: found correct case to be: Windows/System32/config

What is the path to the registry directory? (relative to windows disk)
DEBUG path: Windows found as Windows
DEBUG path: System32 found as System32
DEBUG path: config found as config
DEBUG path: found correct case to be: Windows/System32/config

rwxrwxrwx 2 0 0 28672 Dec 29 19:32 BCD-Template
rwxrwxrwx 2 0 0 19660800 Dec 29 03:42 COMPONENTS
rwxrwxrwx 2 0 0 65536 Dec 29 19:35 COMPONENTS{6cc
llde-8bed-001e0bcd1824}.TM.blf
rwxrwxrwx 2 0 0 524288 Dec 29 19:35 COMPONENTS{6cc
llde-8bed-001e0bcd1824}.TMContainer
rwxrwxrwx 2 0 0 524288 Jul 14 2009 COMPONENTS{6cc
llde-8bed-001e0bcd1824}.TMContainer
rwxrwxrwx 1 0 0 262144 Dec 30 02:30 DEFAULT
rwxrwxrwx 1 0 0 0 Jul 14 2009 Journal
rwxrwxrwx 1 0 0 0 Dec 29 19:32 RegBack
rwxrwxrwx 1 0 0 262144 Dec 30 02:30 SAM
rwxrwxrwx 1 0 0 262144 Dec 30 02:30 SECURITY
rwxrwxrwx 1 0 0 22806528 Dec 30 02:30 SOFTWARE
rwxrwxrwx 1 0 0 9699328 Dec 30 19:32 SYSTEM
rwxrwxrwx 1 0 0 4096 Dec 29 19:32 TxR
rwxrwxrwx 1 0 0 4096 Dec 29 19:32 systemprofile

Select which part of registry to load, use predefined choices
or list the files with space as delimiter
1 - Password reset lsam system securityl
2 - RecoveryConsole parameters lsoftwarel
q - quit - return to previous
ll : 1_
```

LANGKAH KETIGA

Pilih '1' untuk untuk menyenaraikan user.

```
rwxrwxrwx 1 0 0 9699328 Dec 30 02:30 SYSTEM
rwxrwxrwx 1 0 0 4096 Dec 29 19:32 TxR
rwxrwxrwx 1 0 0 4096 Dec 29 19:32 systemprofile

Select which part of registry to load, use predefined choices
or list the files with space as delimiter
1 - Password reset lsam system securityl
2 - RecoveryConsole parameters lsoftwarel
q - quit - return to previous
ll : 1_

Selected files: sam system security
Copying sam system security to /tmp

=====
Step THREE: Password or registry edit
=====
chntpw version 0.99.6 110511
Hive <SAM> name (from header): <C> Patter N Hagen
Hive <SAM> name (from header): <SystemRoot\System32\Config\SAM>
ROOT KEY at offset: 0x001020 * Subkey indexing type is: 666c <lf>
File size 262144 [400000] bytes, containing 5 pages (+ 1 headerpage)
Used for data: 247/19504 blocks/bytes, unused: 7/816 blocks/bytes.

Hive <SYSTEM> name (from header): <SYSTEM>
ROOT KEY at offset: 0x001020 * Subkey indexing type is: 686c <lh>
File size 9699328 [940000] bytes, containing 2205 pages (+ 1 headerpag
Used for data: 150238/9326592 blocks/bytes, unused: 4100/52288 blocks/

Hive <SECURITY> name (from header): <emRoot\System32\Config\SECURITY>
ROOT KEY at offset: 0x001020 * Subkey indexing type is: 666c <lf>
File size 262144 [400000] bytes, containing 5 pages (+ 1 headerpage)
Used for data: 326/15672 blocks/bytes, unused: 12/4648 blocks/bytes.

* SAM policy limits:
Failed logins before logout is: 0
Minimum password length : 0
Password history count : 0

<>=====<> chntpw Main Interactive Menu <>=====<>
Loaded hives: <SAM> <SYSTEM> <SECURITY>

1 - Edit user data and passwords
9 - Registry editor, now with full write support!
q - Quit (you will be asked if there is something to save)

What to do? [1] -> 1_
```

Pilih user mana yang anda ingin reset. Anda boleh masukkan RID bagi user tersebut atau taipkan username itu sendiri.

```
Copying sam system security to /tmp
=====
Step THREE: Password or registry edit
=====
chntpw version 0.99.6 110511 : (c) Petter N Hagen
Hive <SAM> name (from header): <\SystemRoot\System32\Config\SAM>
ROOT KEY at offset: 0x001020 * Subkey indexing type is: 666c <lf>
File size 262144 [40000] bytes, containing 5 pages (+ 1 headerpage)
Used for data: 247/19504 blocks/bytes, unused: 7/816 blocks/bytes.

Hive <SYSTEM> name (from header): <SYSTEM>
ROOT KEY at offset: 0x001020 * Subkey indexing type is: 686c <lh>
File size 9699328 [940000] bytes, containing 2206 pages (+ 1 headerpage)
Used for data: 150238/9326592 blocks/bytes, unused: 4100/52288 blocks/bytes.

Hive <SECURITY> name (from header): <emRoot\System32\Config\SECURITY>
ROOT KEY at offset: 0x001020 * Subkey indexing type is: 666c <lf>
File size 262144 [40000] bytes, containing 5 pages (+ 1 headerpage)
Used for data: 326/15672 blocks/bytes, unused: 12/4648 blocks/bytes.

* SAM policy limits:
Failed logins before lockout is: 0
Minimum password length      : 0
Password history count        : 0

<>=====<> chntpw Main Interactive Menu <>=====<>
Loaded hives: <SAM> <SYSTEM> <SECURITY>

 1 - Edit user data and passwords
 9 - Registry editor, now with full write support!
 q - Quit (you will be asked if there is something to save)

What to do? [1] -> 1

===== chntpw Edit User Info & Passwords =====
RID  Username  Admin?  Lock?
01f4 Administrator ADMIN    dis/lock
01f5 Guest       dis/lock
03e8 Khairul    ADMIN    dis/lock

Select: ? - quit, . - list users, 0x<RID> - User with RID (hex)
or simply enter the username to change: [Administrator] Khairul
```

Pilih '1' untuk reset password bagi user tadi.

Password tersebut telah dibatalkan. Kini anda boleh restart komputer dan masuk ke dalam Windows tanpa perlu memasukkan apa-apa password.

```
<>=====<> chntpw Main Interactive Menu <>=====<>
Loaded hives: <SAM> <SYSTEM> <SECURITY>

 1 - Edit user data and passwords
 9 - Registry editor, now with full write support!
 q - Quit (you will be asked if there is something to save)

What to do? [1] -> 1

===== chntpw Edit User Info & Passwords =====
RID  Username  Admin?  Lock?
01f4 Administrator ADMIN    dis/lock
01f5 Guest       dis/lock
03e8 Khairul    ADMIN    dis/lock

Select: ? - quit, . - list users, 0x<RID> - User with RID (hex)
or simply enter the username to change: [Administrator] Khairul

RID      1000 [03e8]
Username Khairul
Fullname
Comment
Homedir

User is member of 1 groups:
00000220 = Administrators (which has 2 members)

Account bits: 0x0214 =
[ ] Disabled          [X] Homedir req.      [X] Passwd not req.
[ ] Temp. duplicate   [X] Normal account [ ] NMS account
[ ] Domain trust act [ ] Wks trust act.  [ ] Srv trust act
[X] Pwd don't expir   [ ] Auto lockout   [ ] (unknown 0x08)
[ ] (unknown 0x10)    [ ] (unknown 0x20) [ ] (unknown 0x40)

Failed login count: 0, while max tries is: 0
Total login count: 1

-- User Edit Menu:
1 - Clear (blank) user password
2 - Edit (set new) user password (careful with this on XP or Vista)
3 - Promote user (make user an administrator)
4 - Unlock and enable user account [seems unlocked already]
q - Quit editing user, back to user select
Select: [q] > 1
```


Tips 35: Backup dokumen dengan SyncBack

Andaikata sesuatu berlaku kepada komputer anda – hilang, rosak, dicuri atau sebagainya – perkara pertama yang perlu diselamatkan adalah data-data anda. Segala foto, video, dokumen kerja dan pelbagai lagi. Laptop boleh beli baru, software boleh download semula, namun fail-fail yang hilang tidak mungkin dapat diganti kembali.

Sebab itulah backup sangat penting bagi setiap pemilik komputer, namun tidak ramai yang melakukannya. Ini mungkin kerana mereka malas untuk copy segala dokumen-dokumen tersebut berulang kali (contohnya setiap minggu, setiap bulan, dan seterusnya).

Namun dengan software yang betul, anda tidak perlu risau akan proses yang berulang ini kerana ia akan dijalankan oleh komputer secara automatik. Antara software yang bagus untuk tujuan ini adalah SyncBack (<http://www.2brightsparks.com/syncback/>).


Kali pertama anda membuka SyncBack, ianya mungkin nampak agak kompleks. Jangan bimbang kerana tips kali ini akan membantu anda untuk menggunakannya.

Katakan anda mempunyai folder My Pictures yang anda ingin backup ke dalam external hard disk. Setiap kali anda menambah atau membuang sebarang gambar, anda mahu perubahan tersebut dilakukan juga kepada folder yang terdapat di dalam external hard disk. Gunakan SyncBack untuk tujuan ini dengan mengikuti langkah-langkah di bawah.


Cara menggunakan SyncBack

BUAT TUGAS BARU


Klik 'New' untuk membuat sebuah tugas baru dalam SyncBack.




Pilih “Backup: for copying files to another directory, drive, FTP Server, etc.” dan klik ‘OK’.



Berikan nama bagi tugas tersebut dan klik ‘OK’.




Pilih folder yang anda ingin backup pada ‘Source’, destinasi di external hard disk pada ‘Destination’, dan biarkan pilihan pada “Include all sub-directories and their files (and use the directory filter)” pada ‘Sub-dirs’.



Pergi ke tab
'Advanced', dan pilih
tiga tetapan ini pada
setiap bahagian:



- Source
overwrites
destination
always (backup)
- Copy file to
destination
- Delete file from
destination

Klik OK.




Anda akan ditanya samada anda ingin menjalankan 'simulated run'. Seperti yang diterangkan pada mesej tersebut, tujuan simulated run hanyalah untuk memberitahu anda fail apa yang akan disalin dan akan dibuang.

Tekan sahaja pada 'Yes', dan laporan akan dipaparkan.




JALANKAN TUGAS BARU ANDA

Kini, tibalah masa untuk menjalankan tugas backup tersebut! Pilih tugas yang baru dibuat tadi dan klik 'Run'.



Laporan tentang fail yang akan disalin/ dibuang dipaparkan sekali lagi. Klik “Continue Run” dan proses backup akan bermula. Tunggu sehingga ianya selesai.





JADUALKAN TUGAS UNTUK DIJALANKAN SECARA AUTOMATIK


Untuk memastikan perubahan pada folder asal turut dilakukan pada folder backup, anda boleh menjadualkan agar tugas ini dijalankan secara automatik.

Pilih tugas tersebut, dan klik ‘Schedule’.


Klik ‘Yes’ pada mesej seterusnya.



Tetapkan jadual pada tab 'Schedule'.



Tekan OK setelah selesai, dan tugas backup tersebut akan dijalankan secara automatik selepas ini.



Tips 36: Hot image partition dengan Macrium Reflect

Anda mungkin tahu akan kepentingan backup bagi dokumen-dokumen, di mana anda perlu membuat salinan bagi kesemua fail-fail anda supaya ia boleh didapatkan kembali sekiranya apa-apa malapetaka berlaku kepada komputer.

Namun tahukah anda, selain daripada fail-fail seperti dokumen Word, foto, lagu dan sebagainya; anda juga boleh membuat salinan terhadap keseluruhan OS itu sendiri? Ini bermakna, anda boleh ‘menyimpan’ keadaan Windows anda termasuklah segala software yang telah anda install dan segala perubahan yang telah dibuat. Salinan ini kemudiannya boleh anda restore kembali pada bila-bila masa, malah boleh anda klon terhadap komputer yang lain.


Operasi ini dipanggil sebagai “hot image”. Biasanya ia digunakan sebagai langkah berjaga-jaga, apabila anda ingin melakukan perubahan yang besar terhadap komputer. Ia juga digunakan oleh juruteknik komputer untuk memasang OS dengan segala senarai software yang dikehendaki pada berpuluh-puluh komputer sekaligus.

Satu software bagi tujuan hot image yang percuma dan mudah digunakan adalah Macrium Reflect yang boleh didapati di <http://www.macrium.com/reflectfree.aspx>


Cara menggunakan Macrium Reflect

BUAT BACKUP BAGI WINDOWS


Untuk membuat backup terhadap Windows, anda perlu memilih partition yang mengandungi Windows tersebut, dan klik “Image this disk”.



Pada ruangan Destination, pastikan anda menyimpan fail tersebut pada partition yang berlainan (lebih baik lagi jika hard disk berlainan).



Tekan Finish untuk memulakan operasi hot image, dan tunggu hingga ianya selesai.






BROWSE FAIL DAN FOLDER DALAM IMEJ

Anda boleh buka kembali imej tadi dan browse segala fail dan folder di dalamnya.

Double-click pada fail tersebut, dan sebuah popup window akan keluar. Di sini anda perlu tetapkan drive letter bagi fail tersebut, dan klik OK.


Kini imej tersebut sudah menjadi satu partition yang boleh anda browse dalam Explorer.



BINA RESCUE CD/USB

Anda boleh buat Live CD/USB bagi Macrium Reflect, supaya anda boleh jalankan program tersebut sebelum memulakan OS lagi.


Pada bahagian “Other Tasks” pilih “Create bootable Rescue Media”.



Untuk Live CD/USB tersbut, pilih antara Windows PE dan Linux untuk tujuan ini. Windows PE menyokong lebih banyak jenis komputer, namun ia memerlukan anda download software tambahan sebesar lebih kurang 1GB.


Linux pula mungkin tidak menyediakan sokongan seluas Windows PE, namun ia tidak memerlukan sebarang download tambahan.

Buat pilihan anda dan klik Next.



Anda boleh terus burn imej tersebut ke dalam CD atau buat fail ISO. Jika anda ingin memasukkanya ke dalam USB drive, [rujuk tips 56](#).


Setelah selesai, anda boleh gunakan Live CD/USB ini untuk menjalankan Macrium Reflect tanpa perlu memasuki Windows terlebih dahulu.




RESTORE WINDOWS DARI FAIL IMEJ

Anda boleh gunakan Live CD/USB untuk menjalankan Macrium Reflect.


Hidupkan komputer dan masukkan Live CD/USB. Apabila skrin Grub keluar, pilih "Macrium rescue CD".




Restore Wizard akan dimulakan. Klik 'Next'.




Pilih fail imej dan klik 'Next'.




Pilih partition mana yang anda ingin restore, kemudian klik 'Next'.




Pilih hard disk sebagai destinasi proses restore ini, dan klik 'Next'.



Klik 'Restore' untuk memulakan proses.



Setelah siap, anda boleh restart komputer dan Windows akan kembali kepada asal.



BAB 4: Produktiviti dan utiliti

Tips 37: Shortcut keys dalam Windows

Mouse merupakan salah satu ciptaan yang paling memberi kesan dalam dunia komputer, terutamanya buat end-user. Ia membolehkan GUI (Graphic User Interface) dikawal dengan mudah. Apa sahaja yang terdapat pada skrin boleh ditunjuk dan diklik dengan mouse.

Namun jika anda mahu menjadi lebih produktif, anda perlu lebih membiasakan diri dengan keyboard dan kurangkan bergantung kepada mouse, kerana keyboard mempunyai pelbagai shortcut yang dapat menjimatkan masa.

Setelah anda biasa menggunakan shortcut ini, ia akan menjadi sebahagian daripada urusan komputer harian anda. Anda boleh melakukan tugas-tugas remeh pada komputer dengan lebih pantas, dan menggunakan masa yang telah diijimatkan itu untuk perkara yang lebih penting – seperti membaca artikel dan menonton filem!

Shortcut umum

Bahagian ini menyenaraikan shortcut yang terdapat pada kebanyakan aplikasi pada Windows, terutamanya pada Explorer.

F1	Paparkan Help
F2	Rename sesuatu fail
F3	Carian
F5/Ctrl+R	Refresh
F10	Aktifkan menu
Ctrl+C	Copy
Ctrl+X	Cut
Ctrl+V	Paste
Ctrl+Z	Undo
Ctrl+Y	Redo
Ctrl+F	Carian
Delete	Buang fail ke Recycle Bin
Shift+Delete	Hapuskan fail tanpa pergi ke Recycle Bin terlebih dahulu
Ctrl+A	Pilih semua
Shift+Anak panah	Pilih beberapa fail sekaligus
Ctrl dengan anak panah+Spacebar	Pilih beberapa fail sekaligus
Alt+Enter	Paparkan properties
Alt+huruf yang digariskan	Aktifkan menu / jalankan arahan pada menu

Bekerja dengan dokumen dan teks

Banyak masa pada komputer anda akan dihabiskan dengan menaip, tidak kiralah samada untuk menyiapkan laporan bagi Universiti, menulis kod untuk aplikasi web, mahupun hanya untuk bersembang dengan rakan anda melalui IM. Mengetahui pelbagai shortcut memudahkan kerja menaip akan menjimatkan banyak masa dalam urusan komputer seharian anda.

Ctrl+C	Copy
Ctrl+X	Cut
Ctrl+V	Paste
Ctrl+A	Pilih semua teks
Ctrl+Z	Undo
Ctrl+Y	Redo
Ctrl+Right Arrow	Pergi ke pangkal perkataan yang seterusnya
Ctrl+Left Arrow	Pergi ke pangkal perkataan yang sebelumnya
Ctrl+Down	Pergi ke pangkal perenggan yang seterusnya
Ctrl+Up	Pergi ke pangkal perenggan yang sebelumnya
Ctrl+Home	Pergi ke pangkal dokumen
Ctrl+End	Pergi ke hujung dokumen
Shift+Anak panah	Pilih teks
Ctrl+Shift+Anak panah	Pilih perkataan

Menguruskan windows dan taskbar

Apabila menggunakan sebuah komputer yang lumrahnya bersifat multitasking, adalah normal untuk anda berurusan dengan banyak aplikasi sekaligus. Ketahui bagaimana hendak bekerja dengan segala aplikasi yang terbuka ini dengan lebih cekap.

Alt+F4	Tutup aplikasi
Alt+Tab	Tukar ke aplikasi yang seterusnya
Ctrl+Alt+Tab	Gunakan anak panah untuk bertukar aplikasi
Win+Tab	Tukar ke aplikasi seterusnya secara Aero Flip
Ctrl+Win+Tab	Gunakan anak panah untuk bertukar aplikasi, secara Aero Flip
Win+Up	Maximize window yang sedang dibuka
Shift+Win+Up	Sekiranya window yang terbuka tidak maximize, shortcut ini akan memanjangkan window tersebut dari atas ke bawah
Win+Down	Restore/minimize window
Win+Left/Right Arrow	Ubah suai window agar ia hanya mengambil separuh ruang skrin, samada di kiri atau kanan (fungsi ini sangat berguna jika anda ingin melihat dua aplikasi serentak pada skrin anda).
Win+nombor(1-9)	Pergi ke aplikasi yang terbuka, berdasarkan aturan pada taskbar
Win+T	Fokus pada taskbar
Win+B	Fokus pada System Tray

Shortcut dengan logo Windows

Selain daripada shortcut yang telah dipaparkan di atas, logo Windows pada keyboard anda mempunyai banyak lagi shortcut yang boleh anda gunakan.

Win+E	Buka Explorer (My Computer)
Win+D	Paparkan Desktop
Win+L	Kunci skrin
Win+R	Buka kotak Run
Win+P	Paparkan pilihan untuk pembentangan
Win+Pause	Paparkan System Properties

Kesemua shortcut yang disenaraikan di atas adalah antara shortcut yang paling berguna dan senang diingat apabila anda menggunakan Windows. Untuk senarai penuh shortcut yang terdapat pada Windows, anda boleh rujuk di: <http://windows.microsoft.com/en-MY/windows7/Keyboard-shortcuts>

Tips 38: Uruskan folder-folder agar mudah dicapai


Setelah menggunakan komputer buat beberapa lama, adalah perkara biasa jika anda meletakkan segala dokumen di merata-rata tempat. Kadang-kala anda perlu klik banyak folder untuk sampai ke dokumen yang anda kerap gunakan, lantas membazirkan masa.

Tips kali ini akan menerangkan beberapa teknik untuk menjadikan folder-folder anda lebih teratur.

Tips menguruskan direktori

MASUKKAN FOLDER KE SENARAI FAVORITES

Perhatikan bahagian Favorites yang terletak di sidebar Explorer. Anda boleh memasukkan apa-apa folder ke dalam senarai ini dengan mengheretnya (drag & drop) sahaja.



GABUNGAN FOLDER DARI SUMBER YANG BERLAINAN

Windows menyediakan fungsi Libraries yang mengabungkan folder-folder dari lokasi berlainan, malah dari hard disk yang berlainan.



Kesemua media dalam folder-folder tersebut hanya 'dikumpul' pada satu library agar mudah dicapai, namun ianya masih disimpan dalam lokasi asal. Jika anda delete satu-satu library, fail-fail tersebut masih kekal.

Contohnya jika anda menyimpan video di C:\Users\name\videos dan juga di E:\movies pada external hard disk; Libraries membolehkan anda mengumpulkan kesemua video ini pada satu tempat.

Right click pada mana-mana folder dan pilih 'Include in library' untuk memasukkannya ke dalam mana-mana Libraries.


Anda juga boleh right-click pada library tersebut dan klik Properties untuk menambahkan folder.

Kesemua Libraries ini boleh diakses di sidebar kiri Explorer.



Tips 39: Tukar wallpaper secara automatik


Wallpaper pada desktop ibarat langsir tingkap di musim raya, kalau dah lama sangat tak ditukar, tentunya bosan. Anda boleh menjadikan apa sahaja imej sebagai wallpaper dengan mudah, hanya right-click pada fail tersebut dan pilih “Set as desktop background”.




Selain itu, Windows juga boleh bertukar-tukar wallpaper secara automatik. Anda hanya perlu pilih folder manakah yang mengandungi gambar-gambar yang anda hendak jadikan wallpaper.

Cara menukar wallpaper secara automatik

Right-click pada Desktop dan pilih Personalize.



Kemudian, pilih Desktop Background.




Pada “Picture location”, tekan Browse dan cari folder yang mengandung gambar-gambar yang anda ingin jadikan wallpaper.

Di sini terdapat beberapa pilihan yang boleh dibuat:

- Tandakan checkbox untuk memilih gambar-gambar tersebut sebagai wallpaper
- Pada ruangan “Change picture every”, tetapkan berapa lamakah satu gambar ditukar kepada gambar yang lain.
- Pada ruangan ‘Picture position’, Pilih bagaimana gambar disesuaikan kepada skrin komputer anda.

Klik “Save changes setelah selesai”



Tips 40: Lancarkan aplikasi dengan pantas

Semenjak Start Menu mula dicipta pada Windows 95, ianya menjadi user interface yang paling penting bagi pengguna untuk mula membuat apa-apa pada Windows. Hinggakan apabila mereka cuba menggunakan OS lain, mereka masih mencari-cari Start Menu ini.

Namun kini fungsi tersebut telah dibuang pada Windows 8 kerana ianya sudah tidak relevan. Bayangkan anda perlu klik pada Start Menu, kemudian pada All Programs, kemudian terkulat-kulatlah anda skrol senarai program yang panjang berjela untuk mencari aplikasi tersebut.

Jika anda menggunakan Windows 7 atau sebelumnya, anda boleh memasang Launchy (<http://www.launchy.net/>) untuk melancarkan apa-apa program dengan pantas. Jika anda menggunakan Windows 8 pula, fungsi yang terbina sudah cukup untuk anda lancarkan apa-apa program dengan pantas.

Tips menggunakan Launchy


CARA MENGGUNAKAN LAUNCHY

Untuk memanggil Launchy, tekan Alt+Space dan ia akan dikeluarkan.

Kemudian taipkan nama program yang anda ingin buka, dan ia akan muncul serta merta.

Setelah beberapa ketika menggunakan Launchy, ia akan mengenalpasti aplikasi apa yang kerap anda buka.

Contohnya, saya hanya perlu taip satu huruf sahaja, 'a', untuk membuka Adobe Photoshop.




TENTUKAN FOLDER MANA YANG PERLU DICARI

Secara default, Launchy hanya akan membuka aplikasi yang terdapat pada Start Menu.


Untuk menambah aplikasi yang terletak pada folder yang lain, buka Options (tekan Ctrl+,) dan pergi ke bahagian Catalog. Di sini anda boleh tambah/buang folder yang anda mahu.

Pastikan anda menekan butang 'Rescan Catalog' bila selesai.




Perhatikan bahawa anda juga boleh menetapkan jenis fail yang akan dicari oleh Launchy.

Katakan anda ingin Launchy untuk mencari dan membuka lagu-lagu dengan pantas, anda boleh menambahkan My Music sebagai folder, dan *.mp3 sebagai File Types.




Gunakan Start Screen untuk melancarkan program (Windows 8 sahaja)

Bagi menggantikan Start Menu, Windows 8 memperkenalkan Start Screen sebagai cara mudah untuk anda melancarkan apa-apa program, ataupun mencari apa-apa fail. Hanya tekan butang Windows pada keyboard anda, dan Start Screen ini akan dipaparkan.



Mula taipkan nama program, dan segala hasil carian akan dipaparkan. Semudah itu sahaja. Cara yang sama juga boleh digunakan untuk mencari fail, ataupun mencari apa-apa setting dalam Control Panel.



Tips 41: Capai fail dalam komputer dengan pantas


Dalam Windows 7 dan sebelumnya, fungsi carian yang tersedia pada Windows masih mengambil masa yang sangat lama. Untuk mengujinya, cuba cari apa-apa fail, kemudian pergi masak Maggi. Sempatlah juga Maggi itu kembang dulu sebelum hasil carian dipaparkan.

Untuk mengatasi masalah ini, anda boleh menggunakan Everything (<http://www.voidtools.com/>). Ia mampu memaparkan hasil carian dengan serta-merta, sambil anda menaip nama fail itu sendiri. Jika anda menggunakan Windows 8 pula, anda tidak perlu risau kerana fungsi ini telahpun dipertingkatkan.

Tips menggunakan Everything

CARA MENGGUNAKAN EVERYTHING


Taipkan nama fail yang anda ingin cari, dan hasil akan dipaparkan secara serta-merta. Semudah itu sahaja.



GUNAKAN WILDCARD

Kalau anda biasa menggunakan command prompt, tentu anda biasa dengan wildcard.


Sebagai contoh, taipkan *.mp3 untuk menyenaraikan segala fail mp3 yang terdapat dalam komputer.



LANCARKAN EVERYTHING DENGAN SHORTCUT KEY


Untuk menjadi lebih produktif, anda boleh menetapkan shortcut key supaya Everything boleh dilancarkan dengan mudah (seperti Launchy).

Buka Options dan tetapkan "Hotkey modifier" dan 'Hotkey key'



Gunakan Start Screen untuk melancarkan program (Windows 8 sahaja)


Seperti yang diterangkan pada [Tips 40](#), anda boleh gunakan Start Screen pada Windows 8 untuk mencari fail. Hanya tekan butang Windows dan taipkan nama fail. Pastikan anda memilih 'Files' sebagai kategori.



Tips 42: Copy fail secara pantas dengan TeraCopy

Fungsi copy/paste bagi fail dan folder bagi Windows sudah cukup mudah, namun anda boleh mempercepatkannya lagi dengan menggunakan TeraCopy (<http://codesector.com/teracopy>). Kelajuannya lebih terasa bagi fail dan folder yang sangat besar.


Hanya download dan install TeraCopy seperti biasa, dan ia akan menggantikan fungsi copy/paste yang terbina pada Windows. Kini apabila anda copy sesuatu fail atau folder, anda akan dapat melihat window TeraCopy menjalankan fungsinya.



Tips 43: Buka/mampatkan fail archive dengan 7zip

Anda mungkin selalu bertemu dengan fail jenis .zip di Internet. Contohnya pada Gmail, jika anda menerima sejumlah foto bersama e-mail (walaupun jarang dah nak jumpa orang hantar gambar melalui email kan), Gmail akan menyediakan link untuk anda download sebuah fail zip yang mengandungi kesemua gambar tersebut. Ini kerana fail zip adalah lebih kecil, menjadikannya lebih mudah untuk dihantar melalui Internet.

Windows menyediakan fungsi asas untuk membuka fail jenis ini. Hanya right-click pada fail .zip tersebut, dan pilih “Extract All...”



Walau bagaimanapun, fungsi yang sedia terbina ini adalah agak terhad, jadi saya sarankan anda download dan install 7-zip (<http://www.7-zip.org/>) yang lebih senang digunakan dan menyokong lebih banyak jenis fail.


Cara menggunakan 7zip

BUKA PELBAGAI FAIL JENIS ARCHIVE

Selain .zip, terdapat banyak jenis fail seumpamanya yang juga berfungsi untuk memampatkan saiz, namun ia tidak disokong oleh fungsi yang terbina dalam Windows.


7zip mampu membuka fail jenis ini, termasuk banyak jenis lain seperti .rar, .gzip, dan .tar

Hanya perlu right-click pada fail tersebut dan pilih “7-zip > Extract files...”



MAMPATKAN FAIL-FAIL KE DALAM BENTUK ZIP


Pilih fail atau folder yang anda ingin mampatkan dan pilih 7zip > “Add to archive...”



Pada skrin yang seterusnya, hanya terdapat beberapa bahagian yang perlu anda perhatikan:

- Archive format: Pilih zip supaya fail anda dapat dibuka pada kebanyakan komputer.
- Compression level: Anda boleh pilih dari 'Fastest' untuk operasi memampat yang paling pantas, hingga 'Ultra' untuk saiz fail zip yang paling kecil.
- Encryption: Anda boleh tetapkan password sekiranya anda hanya ingin orang yang tertentu sahaja yang membuka fail tersebut. Jika tidak, lebih baik tinggalkan ruang ini kosong.

Setelah membuat semua pilihan anda, tekan OK dan fail zip anda akan dihasilkan.



Tips 44: Padam monitor dengan Sleeper

Orang kata kalau nak tidur nyenyak, lebih elok tidur dalam gelap. Sebab itulah saya hendak padam monitor laptop saya supaya tiada cahaya yang terpancar dalam bilik, tapi tak mahu shut down kerana ingin biarkan ia download movie. Jadi, bagaimana?

Oleh kerana hampir kesemua laptop moden kini tidak mempunyai butang untuk memadam monitor, anda boleh gunakan sebuah software yang dipanggil sebagai Sleeper untuk melakukan tugas ini (<http://www.thefreewindows.com/3294/put-your-monitor-to-power-save-mode-with-sleeper/>).

Download, buka Sleeper, dan monitor anda akan padam. Semudah itu sahaja. Ia akan dihidupkan kembali apabila anda menekan keyboard atau menggerakkan mouse.

Tips 45: Copy dan paste dengan ClipX

Sebagai seorang programmer yang banyak bekerja dengan teks, operasi copy dan paste telah menjadi alat yang penting bagi kerja saya, ibarat pentingya nasi lemak di pagi hari.

Biasanya apa yang saya buat adalah copy satu baris teks dan pindahnya ke Notepad, copy teks yang lain dan pindah lagi ke Notepad, dan apabila selesai copy, teks-teks pada Notepad itu disusun kembali pada dokumen yang asal. Kerja berulang-alik ke Notepad ini sebenarnya sangat memakan masa. Ini kerana fungsi clipboard pada Windows hanya mampu memegang satu item sahaja pada satu masa. Apabila anda copy sesuatu yang baru, item sebelumnya tadi akan hilang dari clipboard.

Jadi kini saya gunakan ClipX (<http://bluemars.org/clipx/>), yang mampu memegang lebih daripada 10 item pada clipboard dalam satu masa.

Cara menggunakan ClipX

MENETAPKAN SHORTCUT

Perkara pertama yang anda perlu lakukan adalah menetapkan shortcut bagi ClipX. Right-click pada ikon ClipX di taskbar, dan pilih Configure.



Bagi saya, saya tetapkan Hotkeys kepada Ctrl+Shift+V kerana ia sangat menghampiri shortcut bagi paste, iaitu Ctrl+V; jadi lebih senang diingat.

COPY DAN PASTE TEKS, GAMBAR, DAN FAIL

Kini setiap kali anda copy sesuatu pada clipboard, ianya akan disimpan pada ClipX.

Kemudian gunakan hotkeys yang ditetapkan tadi, dan anda akan dapat lihat senarai item yang telah anda copy ke ClipX.

Klik pada mana-mana item, atau tekan nombor yang diletakkan di sebelah kanan untuk paste item tersebut. Itu sahaja!



Tips 46: Simpan dokumen di Internet dengan Dropbox

Kebanyakan daripada kita menggunakan lebih daripada satu komputer. Di rumah, di pejabat, malah smartphone pun sudah boleh dianggap sebagai komputer kecil.

Pastinya anda memiliki beberapa dokumen yang perlu diakses pada komputer-komputer yang berlainan. Kalau dulu, biasanya kita membawanya dalam di USB drive, namun kini terdapat software yang boleh memastikan dokumen-dokumen tersebut dikemaskini pada semua komputer, iaitu Dropbox (<http://www.dropbox.com/>).


Dropbox juga berguna apabila anda bekerja secara berkumpulan, dan ia memerlukan anda berkongsi dokumen dengan rakan sekerja anda. Dropbox menjadikan proses perkongsian ini sangat mudah kerana anda hanya perlu drag & drop fail-fail tersebut terus ke dalam folder perkongsian Dropbox.

Cara menggunakan Dropbox

INSTALL DROPBOX PADA SEMUA DEVICE

Untuk mengakses dokumen pada komputer dan device yang berlainan, install Dropbox pada semua alat tersebut. Selagi anda menggunakan akaun yang sama, dokumen-dokumen anda akan diselaraskan pada semua komputer dan device.


Dropbox berfungsi seperti Explorer biasa, hanya drag & drop fail-fail yang ingin anda sync ke dalam folder Dropbox. Satu ikon berwarna biru akan muncul yang bermakna ianya sedang dihantar ke server. Apabila ikon tersebut bertukar hijau, ini bermakna ia telah berjaya disimpan.



AKSES DROPBOX MELALUI LAMAN WEB

Anda boleh install Dropbox pada komputer, laptop, malah pada smartphone anda.

Namun jika anda perlu mengakses dokumen anda daripada komputer awam misalnya, anda masih boleh melayari laman Dropbox di <https://www.dropbox.com/>





KONGSIKAN FOLDER BERSAMA RAKAN SEKERJA

Jika anda mempunyai projek yang memerlukan anda bertukar-tukar dokumen bersama rakan sekerja, kongsi folder tersebut.

Right-click pada folder yang ingin dikongsi, pergi ke Dropbox dan pilih "Share this folder..."


Laman web Dropbox akan dibuka, dan masukkan email bagi rakan-rakan anda (pastikan mereka juga mempunyai Dropbox).



KONGSIKAN TERUS FAIL-FAIL TERTENTU

Jika anda ingin terus menyediakan link download bagi sesuatu fail kepada rakan anda, masukkan fail tersebut ke dalam folder Public.

Right-click pada dokumen yang ingin dikongsi, pergi ke Dropbpox dan pilih “Copy public link”. Link inilah yang anda boleh berikan kepada seseorang supaya dia boleh download fail tersebut dari server Dropbox.



Tips 47: Kawal komputer rakan dengan TeamViewer

Saya ada seorang kawan bernama Aminah (memang nama sebenar) yang selalu menelefon saya tiap kali beliau menghadapi masalah komputer. Tiap kali jugalah berbuih mulut saya cuba memberi arahan melalui telefon, tapi tak juga faham bahasa.

Kalau di kolej dulu boleh jugalah dia hantar komputer kepada saya supaya saya boleh membaikinya, tapi sekarang masing-masing dah duduk jauh, seorang di KL dan seorang di Johor.


Dalam situasi beginilah sambungan Internet yang laju dapat membantu anda (dan rakan anda yang tak faham bahasa tersebut). Dengan TeamViewer (www.teamviewer.com/), anda boleh mengawal komputer rakan anda terus melalui Internet untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Cara menggunakan TeamViewer

DAPATKAN ID DAN PASSWORD

Pastikan kedua-dua komputer telah dipasang dengan TeamViewer.


Pada komputer yang ingin dikawal, perhatikan bahagian "Allow Remote Control". Dapatkan nombor pada bahagian ID dan password dan berikan maklumat ini kepada orang yang ingin mengawal komputer tersebut.




MASUKKAN ID DAN PASSWORD

Pada komputer yang ingin mengawal, perhatikan bahagian "Control Remote Computer".

Masukkan ID yang telah diberikan tadi dan klik "Connect to partner", kemudian masukkan password.



Setelah berjaya, anda boleh melihat skrin komputer rakan anda dan mengawal ia bagaikan komputer anda sendiri.



Tips 48: Lindungi fail yang sensitif dengan TrueCrypt


Anda mungkin mempunyai sebab-sebab yang tersendiri mengapa anda ingin melindungi fail dan folder yang tertentu daripada dibuka oleh orang lain. Mungkin ianya assignment kolej yang tidak boleh dikongsi, mungkin ianya rahsia sulit kerajaan, atau mungkin ianya koleksi lagu Justin Bieber yang anda segan ingin dedahkan kepada rakan-rakan.

Apa pun sebabnya, anda boleh melindungi fail-fail ini dengan menggunakan TrueCrypt (<http://www.truecrypt.org/>).


TrueCrypt akan membuat satu partition di mana anda boleh meletakkan segala fail dan folder tersebut. Partition ini boleh 'dipasang' dan 'ditanggalkan' kembali mengikut kehendak anda, dan ianya dilindungi dengan password.

Langkah-langkah menggunakan TrueCrypt


Lancarkan TrueCrypt dan klik 'Create Volume'



Pilih 'Create an encrypted file container', klik Next.



Pilih "Standard TrueCrypt volume", klik Next.



Pada Volume Location, pilih fail yang akan anda encrypt. Fail inilah yang akan dijadikan partition untuk memasukkan dokumen-dokumen yang anda hendak lindungi. Klik Next.


Seperti yang anda lihat pada contoh di sebelah, saya buat fail baru dengan nama

C:\Users\khairul\rahsia


Dengan nama sebegini, pastinya tiada siapa akan bersyak wasangka terhadap fail saya.

Pilih jenis encryption bagi fail tadi. Encryption ini menentukan tahap sekuriti bagi fail anda.


Jika anda tidak pasti apa yang perlu dipilih, terus klik Next.



Tetapkan had bagi saiz parition tersebut, dan klik Next.




Tetapkan password bagi parition tersebut dan klik Next.



Setelah sedia, klik Format untuk format partition bagi fail yang anda encrypt tadi.

Setelah selesai, kini fail tadi telah sedia digunakan untuk memasukkan segala fail dan folder yang ingin anda lindungi.




Cara menggunakan fail yang telah anda encrypt, untuk melindungi dokumen

Pada TrueCrypt, klik Select File dan pilih fail yang baru anda encrypt tadi.


Pilih mana-mana drive letter yang akan digunakan untuk memasang partition anda, dan klik Mount.

Anda akan dikehendaki untuk memasukkan password yang telah anda tetapkan tadi.




Buka My Computer, dan anda akan dapat lihat partition baru telah dipasang.

Di dalam parition inilah anda boleh letak segala fail dan folder yang ingin anda sorokkan/lindungi.



Setelah selesai memasukkan fail dan folder ke dalam partition tadi, kembali ke TrueCrypt dan klik Dismount. Dengan ini, segala kandungan di dalam partition tersebut telah selamat dilindungi.



Tips 49: Cara-cara burn CD/DVD

CD dan DVD kini sudah semakin jarang digunakan. Saya sendiri tak ingat bila kali terakhir saya memegangnya, mungkin sewaktu saya membalingnya ke dapur untuk menghalau lipas.

Walau bagaimanapun, masih ada gunanya untuk anda mengetahui cara-cara untuk burn CD dan DVD, terutamanya buat CD/DVD installation bagi operating system seperti Windows dan Ubuntu.

Format bagi fail yang sudah sedia dijadikan CD/DVD adalah ISO, dan fail ISO inilah yang perlu anda 'burn'. Bagi Windows 7 dan sebelumnya, anda boleh menggunakan software seperti ImgBurn untuk melakukan tugas ini. Dalam Windows 8 pula, fungsi ini telah sedia terbina.



Cara burn CD/DVD menggunakan ImgBurn

BURN DVD MENGGUNAKAN IMGBURN

Lancarkan ImgBurn, dan pilih "Write image file to disc".

Pilih fail ISO pada bahagian 'Source'. Masukkan CD/DVD kosong ke dalam drive CD burner anda, dan tekan ikon 'Write' untuk memulakan proses.


Tunggu sehingga selesai dan dapatkan CD/DVD anda yang telah siap.




Cara burn CD/DVD dalam Windows (Windows 8 sahaja)

BURN CD/DVD DALAM WINDOWS

Right-click pada fail ISO, dan pilih “Burn disc image”.



Masukkan CD/DVD kosong ke dalam cd burner, dan klik 'Burn'. Tunggu sehingga selesai.



Tips 50: Pasang CD/DVD tanpa memerlukan pemain DVD

Sesetengah laptop yang dikeluarkan sekarang sudah tidak mempunyai pemain DVD. Mula dipopularkan oleh MacBook Air, perkara ini semakin biasa kerana penggunaan CD/DVD yang semakin pupus ditelan zaman. Tauke DVD cetak rompak pun dah ramai gulung tikar sebab ramai orang dah pandai untuk download sendiri menggunakan torrent.

Walaupun tanpa pemain DVD, anda masih boleh menggunakan CD/DVD. Apa yang anda perlukan hanyalah imej ISO sahaja. Bagi Windows 7 dan sebelumnya, anda boleh memasang fail ISO ini menggunakan Daemon Tools Lite (<http://www.daemon-tools.cc/eng/products/dtLite>). Bagi Windows 8 pula, ia boleh dipasang terus tanpa memerlukan sebarang software tambahan.


Cara menggunakan Daemon Tools Lite

DAPATKAN/BUAT FAIL ISO

Fail ISO biasanya boleh didapati dari Internet. Contohnya Ubuntu membenarkan anda download fail ISO mereka secara percuma.

Jika anda mempunyai DVD tersebut secara fizikal, anda boleh menukarkannya kepada ISO dengan Daemon Tools Lite. Hanya masukkan DVD tersebut pada komputer dan tekan "Make Disc Image".


Pada skrin seterusnya, masukkan nama fail dan tekan Start.




PASANG FAIL ISO

Sebelum anda boleh memainkan fail ISO atau MDX, anda terlebih dahulu perlu memasang satu Virtual Drive, iaitu pemain DVD maya.


Hanya tekan “Add DT Virtual Drive” atau “Add SCSI Virtual Drive”. Anda mungkin perlu restart komputer sebelum ia boleh digunakan.




Setelah berjaya, anda boleh melihat satu pemain DVD baru pada My Computer.




Klik “Add Image” dan browse ke fail ISO yang anda ingin pasang.



Pilih fail ISO/MDX tadi dan klik “Mount”.




Setelah berjaya, anda akan dapat melihat DVD ini 'dipasang' dengan membuka Explorer.



Cara memasang fail ISO pada Windows 8

Dalam Windows 8, anda tidak perlu lagi menggunakan sebarang software tambahan untuk menggunakan fail ISO. Malah, ianya menjadi sangat mudah. Hanya right-click pada fail tersebut dan pilih Mount, dan ia akan terus terpasang sebagai CD/DVD.



BAB 5: Pengurusan OS

Tips 51: Cara-cara menetapkan boot sequence

Boot sequence menentukan media apakah yang dilihat terlebih dahulu apabila anda menghidupkan komputer. Biasanya komputer hanya perlu membuka operating system (OS) yang terdapat dalam hard disk, namun kadang kala anda perlu boot komputer melalui CD atau USB, terutamanya apabila OS menghadapi masalah dan tidak dapat dihidupkan.


Jadi jika anda ingin menghidupkan komputer menggunakan CD/USB, pastikan boot sequence ditetapkan kepada media tersebut terlebih dahulu. Anda boleh tukar aturan boot sequence ini pada BIOS.

Interface bagi BIOS adalah berbeza-beza pada setiap jenis komputer yang berlainan, namun konsepnya adalah lebih kurang sama. Tips ini menerangkan secara ringkas akan konsep boot sequence ini.

Cara menukar aturan boot sequence

Hidupkan komputer dan perhatikan maklumat yang keluar. Biasanya pada bahagian bawah skrin akan keluar butang pada keyboard yang perlu anda tekan untuk pergi ke BIOS, atau ke boot sequence.

Skrin ini muncul sekejap sahaja, jadi tekan butang itu dengan pantas.



Skrin seterusnya akan membenarkan anda untuk memilih media mana yang anda mahu boot.

Katakan anda ingin boot dari CD, masukkan CD tersebut terlebih dahulu, dan pilih CD. Semudah itu sahaja.

```
VirtualBox temporary boot device selection
```

```
Detected Hard disks:
```

```
AHCI controller:
```

```
1) Hard disk
```

```
Other boot devices:
```

```
f) Floppy
```

```
c) CD-ROM
```

```
l) LAN
```

```
b) Continue booting
```

Tips 52: Cara-cara install Windows 7

Mengetahui cara-cara untuk format komputer dan install Windows adalah satu kemahiran yang sangat berguna. Daripada anda pergi ke kedai komputer dan bayar RM50 (atau lebih), lebih baik anda melakukannya sendiri kerana ianya senang sahaja, lebih kurang sama dengan langkah-langkah untuk install software yang biasa.


Apa yang anda perlukan hanyalah DVD pemasangan Windows 7, dan sepaket kacang mengelembu untuk menemani anda menunggu hingga proses pemasangan selesai. Jom kita mula.

Cara memasang Windows 7

LANGKAH PERTAMA

Masukkan DVD/USB pemasangan Windows 7 ke dalam komputer.

Sekiranya skrin hitam dengan mesej "Press any key to boot from CD or DVD..." keluar, tekan apa-apa butang pada keyboard anda untuk memulakan pemasangan.



```
Press any key to boot from CD or DVD..._
```



Pada skrin pertama seperti di sebelah, klik 'Next'.




Klik "Install now".



Pilih edisi Windows yang anda mahu. Jika anda tidak tahu apa bezanya antara dua versi ini, pilih 'x86'. Kemudian klik 'Next'.




Pastikan anda membaca terma dan syarat, dan jika bersetuju dengannya, tandakan pada kotak "I accept the license terms" dan klik Next.



Pilih 'Upgrade' sekiranya anda ingin menaiktaraf Windows yang sedia ada di dalam komputer.


Pilih 'Custom (Advanced)' sekiranya anda ingin memasang Windows yang baru.




Pilih hard disk anda.

Di sini juga anda boleh mengubah struktur partition pada hard disk dengan menekan pada "Drive options (advanced)".

Setelah puas hati dengan struktur hard disk, klik 'Next'.




Tunggu sehingga proses pemasangan sehingga selesai, dan komputer akan restart.




LANGKAH KEDUA


Setelah restart, jika mesej "Press any key to boot from CD or DVD..." keluar, biarkan ia, jangan tekan apa-apa.




Masukkan nama anda dan klik 'Next'.




Taipkan password, dan klik 'Next'.




Taipkan nombor produk bagi Windows 7 anda, dan klik 'Next'.




Bagi bahagian sekuriti, anda boleh klik pada mana-mana pilihan.




Pilih zon masa di mana anda berada dan klik 'Next'.



Sekiranya anda sambungan Internet di sekitar, anda boleh pilih sambungan tersebut dan tetapkan kawasannya.



Kini Windows 7 anda
sudah siap dipasang
dan sedia digunakan!



Tips 53: Cara-cara install Windows 8

Windows 8 merupakan Windows versi yang terbaru dikeluarkan oleh Microsoft. Jika anda masih menggunakan versi yang terdahulu seperti Windows XP dan Windows 7 (ada ke yang guna Windows Vista), anda mungkin tertanya-tanya, mengapa anda perlu bertukar ke Windows 8?

Selain daripada ia boleh membuatkan anda tampak bergaya di kalangan rakan sebaya, Windows 8 juga didatangkan dengan user interface baru berasaskan 'Metro' yang memaparkan Start Screen sebagai pengganti kepada Start Menu. Seperti yang anda boleh lihat pada [Tips 40](#) dan [Tips 41](#), Start Screen ini boleh banyak membantu dalam menggunakan komputer dengan lebih mudah dan pantas.

Windows 8 juga dilengkapi dengan pelbagai fungsi yang menggantikan software dari third-party, contohnya kebolehan untuk burn CD/DVD ([Tips 49](#)) ataupun mount fail ISO ([Tips 50](#)). Tidak lupa juga pelbagai peningkatan telah dilakukan ke atas sekuriti dan prestasi.


Proses pemasangan Windows 8 tidak banyak bezanya dengan Windows 7, malah ia telah diringkaskan lagi seperti yang diterangkan pada langkah-langkah berikut.

Cara-cara memasang Windows 8:

LANGKAH PERTAMA

Masukkan DVD/USB Windows 8 dan hidupkan komputer.

Jika mesej "Press any key to boot from CD or DVD..." keluar, tekan Enter.




```
Press any key to boot from CD or DVD..._
```


Pada skrin pertama yang keluar, terus klik 'Next'.




Klik "Install now".



Pilih jenis 'x86' dan klik 'Next'.




Baca terma dan syarat yang dipaparkan. Jika anda setuju, tandakan pada "I accept the license terms" dan klik 'Next'.




Pilih 'Upgrade' sekiranya anda ingin menaiktaraf Windows yang sedia ada di dalam komputer.


Jika anda ingin install Windows 8 yang baru, klik 'Custom'.



Pilih partition mana satu yang anda ingin masukkan Windows. (jika anda memilih partition yang telah mengandungi Windows, segala fail-fail Windows yang lama termasuk "My Documents" akan dipindahkan ke dalam folder 'Windows.old')
Klik 'Next' setelah selesai.




Pemasangan Windows akan dimulakan.
Tunggu sehingga ianya selesai dan komputer akan restart.




LANGKAH KEDUA

Setelah restart, jika mesej "Press any key to boot from CD or DVD..." keluar sekali lagi, biarkan dan jangan tekan apa-apa.


Pada skrin pertama, pilih warna kegemaran anda, masukkan nama komputer dan klik 'Next'.




Klik “Use express settings”.




Anda boleh tinggalkan langkah ini dengan klik pada “Sign in without a Microsoft account”.



Klik pada “Local account”.



Masukkan nama bagi username dan klik ‘Finish’.



Kini Windows 8 anda sudah siap dipasang dan boleh mula digunakan!




Tips 54: Cara-cara install Ubuntu 12.10

Ubuntu merupakan sebuah operating system jenis Linux, dan jika anda tak biasa dengan istilah tersebut jangan bimbang kerana cara penggunaan Ubuntu tidak jauh bezanya daripada Windows. Cara anda membuka fail dan folder adalah sama, cara memainkan video adalah sama, dan cara melayari Internet juga sama. Malah kebanyakan software pada Windows boleh juga didapati pada Ubuntu seperti Google Chrome, VLC Player, dan Picasa. Perbezaan utama Ubuntu dengan Windows adalah anda boleh dapatkan Ubuntu secara percuma, tak perlu bayar sesen pun.

Download fail ISO bagi Ubuntu dari www.ubuntu.com, dan burn ia ke dalam CD ([rujuk tips 49](#)) ataupun masukkan ke dalam USB drive ([rujuk tips 56](#)). Anda boleh menggunakan CD/USB ini untuk memasang Ubuntu.


Cara memasang Ubuntu 12.10:

Masukkan CD/USB dan hidupkan komputer. Apabila skrin 'Welcome' dipaparkan, pilih "Install Ubuntu".




Ubuntu akan memeriksa jika anda mempunyai ruang yang cukup pada hard disk, dan jika komputer telah disambungkan ke soket elektrik.

Sambungan Internet tidak penting buat masa ini, jadi anda boleh terus klik pada 'Continue'.



Anda boleh install Ubuntu pada hard disk yang kosong, ataupun install ia sebelah- menyebelah dengan Windows.

Klik 'Continue' setelah membuat pilihan.




Ubuntu memulakan pemasangan.

Sambil itu anda boleh masukkan maklumat lain bermula dengan kawasan anda.

Kemudian, klik 'Continue'.




Biarkan keyboard layout pada pilihan yang telah sedia ada dan terus klik 'Continue'.




Buat satu akaun baru untuk operating system anda dan klik 'Continue'.


Tunggu sehingga pemasangan selesai.



Pemasangan selesai.
Klik "Restart Now".



Kini anda sudah
boleh login dan mula
menggunakan
Ubuntu anda.



Tips 55: Install Windows menggunakan USB Drive

Penggunaan CD/DVD semakin kurang kini, kebanyakan media semuanya boleh anda download dari Internet. Malah, nak install Windows pun boleh dilakukan terus menggunakan USB drive. Bukan sahaja anda tidak perlu membazirkan DVD yang mungkin anda hanya akan guna beberapa kali sahaja, malah USB drive adalah lebih kecil dan mudah dibawa.

Sama seperti kebanyakan operating system yang moden, Windows 7 dan Windows 8 boleh dipasang terus menggunakan USB drive. Anda boleh menggunakan utiliti khas yang dibina oleh Microsoft sendiri iaitu Windows 7 USB/DVD Download Tool (walaupun namanya hanya mengandungi Windows 7, ia juga boleh digunakan untuk Windows 8). Dapatkannya dari:


http://www.microsoftstore.com/store/msstore/html/pbPage.Help_Win7_usbdvd_dwnTool

(Jika link di atas tidak berfungsi, gunakan Google untuk mencari “Windows 7 USB/DVD Tool”)


Cara menyediakan Live USB untuk Windows 7/8:

Anda terlebih dahulu perlulah mempunyai fail ISO bagi DVD pemasangan Windows 7 atau 8.


Pada langkah yang pertama ini, klik Browse untuk memilih fail ISO tersebut, dan klik ‘Next’.



Pilih “USB Device” sebagai media.




Pastikan anda memilih USB drive yang betul dan klik “Begin copying”.



Proses menyalin data ke dalam USB drive anda akan dimulakan. Tunggu sehingga proses ini selesai, dan anda boleh menggunakan USB drive tersebut sebagai pengganti kepada DVD pemasangan Windows 7/ 8.

(Nota: Pastikan anda telah menetapkan boot sequence kepada USB drive / USB hard disk)



Tips 56: Install Ubuntu menggunakan USB drive

Seperti Windows, Linux juga boleh dipasang terus menggunakan USB drive. Apa yang unik nya pada Linux adalah anda boleh menggunakannya sebagai Live USB. Ini bermakna anda boleh menjalankan terus operating system tersebut dari USB drive tanpa perlu memasangnya terlebih dahulu. Sebab itulah ia selalu digunakan sebagai penyelamat sekiranya Windows tidak dapat dimulakan ([rujuk tips 33](#)). Saiznya yang kecil juga membuatkan Linux sangat mudah dibawa di dalam USB drive.

Untuk membina Live USB bagi Linux, gunakan Linux Live USB Creator (<http://www.linuxliveusb.com/>).

Cara membuat Live USB bagi Ubuntu

BUAT LIVE USB UBUNTU

Langkah-langkah penggunaan LiLi USB Creator telah diterangkan terus pada interface utiliti tersebut.

STEP 1: Cucuk USB drive pada komputer dan pilih USB drive tersebut pada bahagian ini.

STEP 2: Pilih sumber bagi CD pemasangan Ubuntu anda. Biasanya fail ini didapati dalam bentuk ISO, jadi pilih "ISO/IMG/ZIP" dan browse ke fail ISO tersebut.

Anda boleh tinggalkan **STEP 3** dan **STEP 4** kepada pilihan yang sedia ada.

STEP 5: Klik pada ikon petir untuk memulakan proses.

Tunggu sehingga proses selesai dan semudah itu sahaja, Live USB bagi Ubuntu anda kini sudah sedia.



Tips 57: Uruskan hard disk dengan Disk Management


Windows dibekalkan dengan Disk Management, sebuah utiliti untuk menguruskan semua local drive di dalam komputer anda.

Disk Management mampu melakukan beberapa fungsi asas dalam menguruskan partition termasuklah membuang, mengecilkan serta membesarkan partition. Fungsi-fungsi ini berguna jika anda ingin menyediakan ruang pada hard disk untuk memasang OS yang lain.

Tips menggunakan Disk Management

LANCARKAN DISK MANAGEMENT

Buka Run, taipkan `diskmgmt.msc`, dan tekan Enter.




UBAHSUAI PARTITION

Right-click pada satu-satu partition, dan anda dapat lihat kebanyakan operasi untuk mengubahsuai partition tersebut.

Antara operasi yang kerap digunakan:

- “Delete Volume...” untuk membuang partition, menjadikannya ruang kosong (unallocated space). Ia juga digunakan untuk uninstall apa-apa OS yang berada dalam hard disk.
- “Extend Volume” untuk membesarkan sesebuah partition. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya ada ruang kosong (unallocated space) pada hard disk.
- “Shrink Volume” untuk mengecilkan sesebuah partition. Ruang yang telah diijamatkan akan menjadi unallocated space.



Tips 58: Coba operating system yang lain dengan VirtualBox

Anda mungkin pernah mendengar tentang OS selain daripada Windows iaitu OSX, dan juga pelbagai jenis variasi GNU/Linux seperti Ubuntu, Fedora, dan Mint.

Jika anda teringin mencuba OS ini – terutamanya Linux – namun bimbang ianya akan mengganggu sistem Windows yang sedia ada, anda boleh gunakan Virtual Machine (VM). Sebuah VM ibarat sebuah komputer yang sebenar, di mana anda dapat menambahkan hard disk, RAM, DVD dan sebagainya ke atas VM tersebut. Ia kemudiannya boleh digunakan untuk memasang sebarang OS yang anda mahu.

Software VM yang percuma dan bagus digunakan ialah VirtualBox (<https://www.virtualbox.org/>).


Cara-cara menggunakan VirtualBox:

BUAT VM YANG BARU

Klik 'New' untuk membuat sebuah VM yang baru.




Masukkan nama bagi VM baru anda. Anda juga boleh menyertakan jenis serta versi OS yang anda ingin install.




Tetapkan jumlah RAM yang anda ingin peruntukkan biasanya VirtualBox akan mencadangkan saiz yang sesuai bergantung kepada jenis dan versi OS yang anda pilih.

Ingat bahawa RAM pada VM adalah menggunakan RAM pada komputer sebenar anda, jadi jangan tetapkan saiz yang terlalu besar.




Kemudian anda dikehendaki menambahkan sebuah hard disk kepada VM tersebut.


Pilih “Create a virtual hard drive now” dan klik ‘Create’ untuk membuat sebuah hard disk yang baru.




Pilih “VDI (VirtualBox Disk Image)” dan klik Next.




Pilih “Dynamically allocated” dan klik Next.



Beri nama dan tetapkan saiz bagi hard disk tersebut dan klik 'Create'.




Setelah siap, VM baru anda akan dipaparkan pada VirtualBox. Anda kini boleh memulakan komputer VM ini dengan menekan butang 'Start'.



INSTALL OS KE DALAM VM

Kali pertama VM dilancarkan, anda perlu memasukkan media pemasangan OS yang berkaitan. Biasanya fail ini terdapat dalam bentuk ISO.


Setelah memasukkan fail ISO, segala langkah pemasangan adalah sama seperti memasang OS pada komputer sebenar.



GUNAKAN SNAPSHOT UNTUK MENYIMPAN KEADAAN VM

Snapshot merupakan antara fungsi yang paling berguna dalam VirtualBox. Ia boleh menyimpan seluruh keadaan VM, termasuk aplikasi yang telah anda install, customization yang telah dibuat, dan segalanya.

Fungsi ini berguna sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya anda ingin membuat sebarang perubahan besar kepada VM. Sekiranya sesuatu yang tidak diinginkan berlaku, anda boleh kembalikan VM kepada keadaan yang disimpan oleh snapshot.





KOGSI FAIL ANTARA KOMPUTER HOST DAN GUEST

Satu lagi fungsi yang sangat berguna dalam mengendalikan VM adalah berkongsi folder di antara host (komputer sebenar anda) dan guest (VM).


Terlebih dahulu, anda perlu memasang Guest Additions.

Pada VM anda, klik Devices > “Install Guest Additions...”. Pemasangan ini berbeza-beza mengikut guest OS. Selesaikan pemasangan tersebut.


Klik Devices > “Shared Folders...”




Klik pada butang
“Add Shared Folder”.




Di sinilah anda boleh
pilih mana-mana
folder pada host yang
ingin dikongsikan
bersama guest, iaitu
VM anda. Pilih folder
dan klik 'OK'.



Pada guest OS,
taipkan net use x:
\\vboxsvr\share
jika ianya guest
Windows, atau mount
-t vboxsf share
mount_point jika
ianya guest Linux.



Kini anda sudah
boleh mengakses
folder tersebut dari
guest OS.



BAB 6: Uruskan blog/website

Tips 59: Buat blog percuma di Blogspot

Menulis merupakan cara paling primitif untuk memberi maklumat, menyuarakan pendapat, mahupun meluahkan perasaan. Sama seperti seorang programmer ataupun designer, penulis juga merupakan 'pencipta', dan ciptaan tersebut mampu memberi manfaat kepada diri sendiri dan juga orang lain.

Semenjak munculnya blog, batasan untuk menulis dan menerbitkannya kepada dunia sudah semakin tipis. Sesiapa sahaja boleh memiliki blog dengan mudah dan percuma.

Antara servis blog percuma yang popular adalah Blogspot (<http://www.blogger.com>). Anda hanya perlu memiliki akaun Google untuk membuat blog yang baru. Ikuti langkah-langkah berikut:



Cara membuat blog di Blogspot

DAFTAR BLOG BARU DI BLOGSPOT

Login ke dalam akaun Google anda dan pergi ke blogger.com. Klik pada butang 'New Blog'.

Berikan nama blog, url, serta pilih template yang anda suka, dan tekan butang "Create blog!".

(Note: Nama blog dan template boleh ditukar pada bila-bila masa, namun URL akan kekal. Jadi pastikan anda sudah pasti dengan URL yang anda mahu sebelum menekan butang "Create blog".)



Semudah itu sahaja, blog baru anda sudah siap. Anda boleh mula menaip entri pertama dengan menekan pada butang "Create new post"

MULA MENULIS DI BLOG

Menulis entri di editor yang disediakan Blogspot adalah mudah, lebih kurang sama dengan menaip di Microsoft Word ataupun menulis email.




Anda boleh menetapkan tajuk bagi entri, memasukkan imej dan video, mengubah saiz font, dan banyak lagi.

Simpan draf entri dengan menekan 'Save'. Jika anda sudah bersedia untuk menerbitkan entri ke Internet, klik 'Publish'.

UBAH TEMPLATE DAN LAYOUT BLOG

Anda boleh mengubah rupa dan rekabentuk blog mengikut pilihan anda pada bahagian Template dan juga Layout.

Selain daripada template yang disediakan oleh Blogger, anda juga boleh mendapatkan pelbagai template percuma di Internet.



Tips 60: Dapatkan domain dan laman web sendiri

Kebanyakan orang memilih Blogspot kerana ianya percuma dan mudah digunakan. Tambahan lagi servis yang disediakan oleh Google adalah laju dan stabil. Namun jika anda inginkan alamat laman web yang lebih professional, anda boleh dapatkan nama domain anda sendiri. Anda perlu membayar sedikit yuran untuk memiliki nama domain, lebih kurang RM30 setahun. Dengan nama domain ini, anda akan mempunyai lebih kawalan terhadap laman web anda. Anda boleh memasang Wordpress, mengakses web server melalui FTP, membuat emel pada domain anda, dan banyak lagi.

Terlebih dahulu, saya akan berkongsi tentang makna nama domain dan web hosting, dua istilah yang perlu anda tahu jika anda ingin memiliki laman web sendiri.

Domain: Ini merupakan alamat bagi laman web anda. Contohnya, domain bagi laman web Sembang Komputer adalah www.sembangkomputer.com, manakala domain bagi blog peribadi saya adalah www.khairul.my.


Pemilihan nama domain merupakan perkara yang paling penting sekali apabila anda ingin memiliki laman web sendiri. Alamat URL inilah yang akan ditaip oleh orang ramai untuk pergi ke laman web anda, jadi ia haruslah ringkas serta mudah diingat.

Hosting: Ini merupakan server yang menyimpan segala data mengenai laman web anda, termasuklah fail, imej, teks dan sebagainya. Anda boleh membeli domain dan hosting secara berasingan, namun biasanya lebih mudah untuk memblinya dari satu syarikat yang sama supaya mereka dapat memasangnya terus buat anda.

Cara mendapatkan domain dan hosting

BELI DOMAIN DAN HOSTING

Jika anda menyasarkan pelawat tempatan bagi laman web anda, anda boleh membeli domain dan hosting dari syarikat tempatan seperti DataKL (datakl.com)




The screenshot shows the DataKL Hosting website interface. The main heading is "DataKL Hosting" with a sub-header "Please Login or Register". Below this is a "Shopping Cart" section. The central focus is the "Register Domain" section, which includes the text "(Choose Another Category)". Below this, there is a prompt: "Type in the domain you wish to register below to check for availability." A red box highlights the input fields where "www." is entered in the first field, "sitisakinah" in the second, and ".com" in the third. A red arrow points to the "Check Availability" button next to the input fields. On the right side, there is a "Quick Navigation" menu with links: Portal Home, Client Area, Announcements, Knowledgebase, Submit Ticket, Downloads, and Order. At the bottom right, there is a "Client Login" section with an "Email" input field and a password field.

Jika anda menyasarkan pengguna global pula, anda boleh membeli domain dari syarikat seperti Namecheap ataupun GoDaddy.

Setelah anda membeli domain dan hosting, syarikat ini akan menghantar email yang mengandungi maklumat tentang akaun anda, termasuklah:


- Akaun cPanel
- Akaun FTP




URUSKAN SERVER DENGAN CPANEL

cPanel adalah dashboard bagi server anda. Anda boleh upload fail, membuat database, memasang Wordpress, dan banyak lagi pada cPanel. Ia merupakan alat yang paling penting sekali dalam fasa permulaan laman web anda.

Akses ke cPanel biasanya terletak di `www.namadomain.com/cpanel`




Di sinilah anda boleh download/upload fail ke dalam hosting anda. Segala fail yang anda hendak upload haruslah diletakkan ke `public_html` atau folder di dalamnya.




GUNAKAN FANTASTICO UNTUK MEMASANG WORDPRESS, JOOMLA, DAN PELBAGAI CMS

Kebanyakan cPanel menawarkan fungsi Fantastico De Luxe yang membolehkan anda memasang skrip yang popular seperti WordPress, Joomla, dan phpBB.



Fantastico disediakan untuk memudahkan pengguna, terutama bagi pengguna yang kurang teknikal. Jika anda ingin memasang skrip-skrip ini secara manual, anda juga boleh menggunakan File Manager pada cPanel, ataupun melalui FTP ([rujuk Tips 64](#))



Tips 61: Install WordPress pada domain

WordPress (<http://wordpress.org/>) merupakan sebuah platform untuk menulis blog yang boleh anda install pada *web hosting* anda sendiri. Blog jenis ini dipanggil sebagai 'self-hosted WordPress'.

Berbeza daripada WordPress.com dan Blogspot yang hanya membenarkan anda menggunakan subdomain sebagai URL, self-hosted WordPress membolehkan anda menggunakan domain anda sendiri. Self-hosted WordPress juga memberikan banyak kebebasan kepada anda sebagai pemilik blog – anda boleh memilih theme yang anda suka, install plugins, memaparkan iklan, dan banyak lagi.

Berikut merupakan perbandingan antara self-hosted Wordpress, WordPress.com dan Blogspot:

	Self-hosted WordPress	WordPress.com	Blogspot
Harga	Percuma. (Namun anda perlu membayar domain dan hosting anda sendiri.)	Percuma.	Percuma.
URL	Domain anda sendiri. Contoh: sembangkompoter.com khairul.my	Subdomain sahaja. Contoh: lorelle.wordpress.com	Subdomain sahaja. Contoh: thesartorialist.blogspot.com googleblog.blogspot.com
Theme	Bebas untuk memilih theme apa yang anda mahu.	Theme yang ditawarkan adalah sangat terhad.	Bebas untuk memilih theme apa yang anda mahu (pilihannya lebih kurang berbanding self-hosted WordPress).
Iklan	Bebas untuk meletakkan apa-apa iklan.	Tidak dibenarkan.	Terhad. Hanya iklan yang mengandungi kod HTML dan Javascript sahaja yang dibenarkan.

Pendek kata, self-hosted WordPress memberikan kebebasan untuk anda mengawal dan mengubahsuai blog anda. Ianya sesuai jika anda inginkan blog yang lebih professional.


Terdapat dua cara mudah untuk memasang WordPress pada web hosting. Cara pertama adalah menggunakan Fantastico, yang biasanya hanya memerlukan anda untuk memberi nama bagi blog sahaja. Cara kedua adalah dengan upload fail-fail Wordpress ke server melalui cPanel ataupun FTP.

Meskipun cara kedua ini tidak seringkasan yang pertama, namun ianya lebih digalakkan buat anda pemilik web, kerana ia akan membiasakan anda dalam pengurusan laman web. Ikut langkah-langkah berikut.


Cara memasang Wordpress pada domain sendiri

UPLOAD FAIL
WORDPRESS KE
SERVER

Download fail
WordPress dari
www.wordpress.org.




Extract fail tersebut ke
dalam public_html
pada server (gunakan
FileZilla ataupun
cPanel).




SEDIKAN DATABASE


Pada cPanel, pergi ke bagian 'Databases' dan klik pada "MySQL Databases".



Namakan database dan klik "Create Database".



Buat satu user baru dan beserta password.



The screenshot shows the 'MySQL Users' section in cPanel. The 'Add New User' form is active. The 'Username' field contains 'khairul' with a green checkmark. The 'Password' and 'Password (Again)' fields are masked with dots and also have green checkmarks. The 'Strength' indicator shows 'Very Strong (100/100)' in green. A 'Password Generator' button is visible. At the bottom is a 'Create User' button. A link 'Jump to MySQL Databases' is in the top right corner.

Tetapkan user kepada database yang telah anda buat tadi. Pastikan anda memilih "All Privileges" pada skrin yang seterusnya.




The screenshot shows the 'Add User To Database' form in cPanel. The 'User' dropdown menu is set to 'khairul'. The 'Database' dropdown menu is set to 'wordpress'. An 'Add' button is at the bottom of the form.

Salin username, password, serta nama database tersebut kerana ia diperlukan untuk pemasangan WordPress nanti.


INSTALL WORDPRESS

Buka laman web anda untuk memulakan pemasangan.

Klik "Create a Configuration File" untuk memulakan pemasangan.



WordPress akan memberitahu maklumat apakah yang diperlukan untuk pemasangan. Klik sahaja pada butang "Let's go!".



Masukkan maklumat yang telah anda buat pada cPanel tadi, termasuklah nama database, nama user, dan password. Ruangan host dan prefix biasanya ditinggalkan seperti yang asal.

Setelah selesai, klik 'Submit'.

WordPress Setup Configuration screen. The page displays the WordPress logo and a message: "Below you should enter your database connection details. If you're not sure about these, contact your host." The form includes the following fields and descriptions:


Field	Value	Description
Database Name	wordpress	The name of the database you want to run WP in.
User Name	khairul	Your MySQL username
Password	passwordsaya	...and your MySQL password.
Database Host	localhost	You should be able to get this info from your web host, if localhost does not work.
Table Prefix	wp_	If you want to run multiple WordPress installations in a single database, change this.

A "Submit" button is located at the bottom left of the form.

Klik "Run the install".

WordPress Setup Configuration screen. The page displays the WordPress logo and a message: "All right sparky! You've made it through this part of the installation. WordPress can now communicate with your database. If you are ready, time now to..." A "Run the install" button is located at the bottom left of the form.

Berikan tajuk bagi blog, nama user utama, password, serta email. Klik “Install WordPress” setelah selesai.



The screenshot shows the 'WordPress > Installation' window. The page title is 'Information needed'. Below the title, it says 'Please provide the following information. Don't worry, you can always change these settings later.' The form contains the following fields and options:

- Site Title:** A text input field containing 'Sembang Komputer'.
- Username:** A text input field containing 'khairul'. Below it, a note states: 'Usernames can have only alphanumeric characters, spaces, underscores, hyphens, periods and the @ symbol.'
- Password, twice:** Two password input fields, both containing masked characters (dots). Below the second field, a green box displays the word 'Strong'. A hint below reads: 'Hint: The password should be at least seven characters long. To make it stronger, use upper and lower case letters, numbers and symbols like ! " ? \$ % ^ & ; .', etc.'
- Your E-mail:** A text input field containing 'hello@khairul.my'. Below it, a note says: 'Double-check your email address before continuing.'
- Privacy:** A checkbox labeled 'Allow search engines to index this site.' which is checked.
- Install WordPress:** A button at the bottom left of the form.

Laman WordPress anda kini telah siap dan anda boleh login dengan username dan password yang telah anda buat tadi.



The screenshot shows the 'WordPress > Installation' window. The page title is 'Success!'. Below the title, it says 'WordPress has been installed. Were you expecting more steps? Sorry to disappoint.' The form contains the following fields and options:


- Username:** A text input field containing 'khairul'.
- Password:** A text input field containing 'Your chosen password.'
- Log In:** A button at the bottom left of the form.

MULA MENULIS BLOG

Login ke dalam WordPress, dan anda sudah boleh mula menaip entri.

WordPress menyediakan editor web pelbagai fungsi. Anda boleh mengubah format bagi teks, memasukkan imej dan video, menetapkan kategori, dan macam-macam lagi.


Klik 'Publish' apabila anda sedia untuk menerbitkan entri.



TUKAR RUPA DAN REKABENTUK BLOG

Salah satu kelebihan utama WordPress adalah betapa banyaknya theme yang cantik dan percuma disediakan untuknya. Anda boleh memilih daripada ribuan theme dari Internet, dan pasang ia pada blog anda.

Dengan versi WordPress yang terbaru, anda juga boleh mengubahsuai widget, menu, header, dan background dengan mudah.



Tips 62: Tulis blog dengan Windows Live Writer

Jarang pihak Microsoft untuk datang dengan software kecil (bermakna untuk tujuan yang spesifik) yang mampu menjadi pilihan utama buat pengguna. Namun apabila bercakap tentang editor untuk blog, Windows Live Writer merupakan software yang terbaik bagi tujuan tersebut.


Meskipun platform blog seperti Blogspot dan Wordpress membenarkan anda untuk menulis entri terus pada laman web masing-masing, namun software desktop seperti Windows Live Writer mempunyai banyak kelebihan, yang paling ketara sekali ialah ia dapat digunakan tanpa memerlukan sambungan Internet. Anda boleh bawa laptop ke kampung dan taip draf, dan simpan ia untuk diterbitkan bila-bila masa anda mendapat sambungan Wi-Fi.

Selain itu, tugas memasukkan imej juga menjadi sangat mudah. Jika menulis pada Blogspot dan Wordpress, anda perlu upload imej terlebih dahulu, dan masukkan ia satu-persatu, tugas ini agak leceh. Namun pada Windows Live Writer (WLW), anda boleh terus memasukkan kesemua imej yang diperlukan bagi entri tersebut, dan terus mengubahsuai imej-imej tersebut mengikut kehendak anda.

Tips menggunakan Windows Live Writer

HUBUNGKAN WLW DENGAN BLOG ANDA


Kali pertama anda melancarkan WLW, anda boleh terus menghubungkannya kepada blog yang telah anda miliki.




The screenshot shows the 'Add a blog account' window in Windows Live Writer. The window has a blue title bar with the text 'Windows Live Writer' and a close button. The main content area is white and contains the following fields and options:

- Add a blog account** (Section header)
- Web address of your blog:** A text box containing 'http://sembangkompuser.com'. Below it, a note says 'This is the web address that visitors use to read your blog.'
- Username:** A text box with a greyed-out placeholder.
- Password:** A text box with a greyed-out placeholder.
- ☒ **Remember my password**
- At the bottom, there are three buttons: 'Set proxy...', '< Back', and 'Next >', followed by a 'Cancel' button.

Anda boleh
tambahkan buang
akaun blog pada bila-
bila masa melalui
menu Tools >
Options > Accounts.



Sekiranya anda
mempunyai lebih
dari satu blog, anda
boleh bertukar
antaranya dengan
mudah dengan
menekan butang di
bahagian atas WLW.





MEMASUK DAN MENGUBAHSUAI IMEJ

Fungsi pengurusan imej pada WLW sangat menjimatkan masa berbanding editor web pada Blogspot dan WordPress.

Anda boleh memasukkan sejumlah imej tanpa perlu upload satu-persatu. WLW juga menyediakan pelbagai fungsi untuk membuat sebarang pengubahsuaian terhadap imej, seperti resize, dan border.

TETAPAN MAKLUMAT BAGI ENTRI

Sama seperti editor web, WLW menyediakan pelbagai setting bagi entri seperti kategori, tag, dan slug (URL bagi entri tersebut).



Tips 63: Buat email pada domain sendiri

Salah satu kelebihan memiliki domain sendiri adalah anda boleh membuat email yang lebih professional. Contohnya, emel saya sendiri adalah hello@khairul.my. Kan tampak lebih matang lagi berurusan berbanding blackcrowz1998@hotmail.com, setuju?


Email ini juga berada pada server anda sendiri (atau server yang anda sewa dari syarikat hosting), jadi anda mempunyai lebih banyak kawalan ke atasnya, termasuklah kebolehan untuk men-download segala email dan attachment dengan mudah.

Anda boleh menguruskan segala akaun email ini pada cPanel anda, dan ia kemudiannya boleh diakses pada komputer menggunakan klien email, tablet, mahupun smartphone.

Cara membuat email pada domain sendiri


MEMBUAT EMAIL

Buka cPanel. Pada bahagian 'Mail', klik "Email Accounts"



Masukkan nama user dan password, dan klik “Create Account”.


Semudah itu saja, akaun email baru anda sudahpun sedia.



AKSES EMAIL MELALUI WEBMAIL

Terdapat banyak cara untuk membuka akaun email ini. Secara asas, anda mempunyai Webmail yang boleh anda buka dari cPanel.


Namun interface webmail ini biasanya sukar difahami dan kurang produktif untuk digunakan sehari-hari.



AKSES EMAIL MENGGUNAKAN KLIEN EMAIL


Anda boleh install pelbagai klien desktop untuk membuka email. Terlebih dahulu, dapatkan setting bagi email anda tadi dari cPanel.

Kembali ke "Email Accounts" dan klik pada "Configure Email Client" pada akaun email yang baru anda buat tadi.



cPanel menyediakan skrip automatik untuk sesetengah klien email, termasuklah Windows Live Mail dan Outlook.

Jika anda memakai klien lain seperti Thunderbird, ataupun untuk smartphone dan tablet anda, gunakan maklumat yang berada pada "Manual Settings".



Tips 64: Download/upload fail ke server dengan FileZilla


Sebagai seorang pemilik laman web, anda akan selalu perlu untuk download/upload fail ke dalam web server. Meskipun anda boleh menggunakan cPanel yang disediakan oleh web hosting itu sendiri, namun ada baiknya jika anda mempunyai sambungan terus daripada komputer ke web server. Untuk tujuan ini, anda boleh gunakan Filezilla (<http://filezilla-project.org/>).

Tips menggunakan FileZilla

LOGIN KE AKAUN FTP

Terdapat dua cara untuk login ke dalam akaun FTP:

- 1) Gunakan ruangan Quickconnect. Terus taipkan nama Host, Username dan Password. Maklumat FTP ini tidak akan disimpan pada FileZilla.
- 2) Gunakan Site Manager untuk menyimpan maklumat akaun anda. Gunakan cara ini sekiranya anda menguruskan lebih daripada satu akaun FTP.




UPLOAD DAN DOWNLOAD FAIL

Perhatikan yang anda mempunyai dua bahagian folder tree.

Bahagian di sebelah kiri adalah fail pada komputer anda. Double-click pada fail atau folder untuk upload ke server di sebelah kanan.


Bahagian di sebelah kanan adalah fail pada server. Double-click pada fail atau folder untuk download ia ke dalam komputer anda di sebelah kiri.



EDIT FAIL TERUS PADA SERVER

Right-click pada fail dan klik "View/Edit" untuk membukanya di dalam teks editor.

Apa yang berguna tentang fungsi ini adalah, segala edit akan di-upload secara automatik apabila anda menekan Save. Ianya berguna jika anda ingin membuat pengubahsuaian dan ingin melihat kesannya terus pada laman web.



Tips 65: Bina web server peribadi dengan XAMPP

Bila bercakap tentang web server, anda mungkin bayangkan berbaris-baris komputer yang besar, bising, dan terperuk dalam bilik yang dilengkapi dengan air-cond yang sangat sejuk. Ini mungkin benar bagi web server yang menampung laman web di Internet. Namun sebenarnya anda pun boleh menjalankan web server peribadi, terus pada komputer anda sendiri.

Web server peribadi ini biasanya hanya boleh diakses pada komputer itu sendiri sahaja(ataupun melalui network sekiranya anda mahu). Selain daripada itu perbezaan kecil ini, ia berfungsi sepenuhnya sama seperti web server professional. Anda boleh memasang WordPress, Wiki, Joomla dan sebagainya.


XAMPP (<http://www.apachefriends.org/en/xampp.html>) merupakan pakej web server semua-dalam-satu yang mengandungi Apache, PHP, dan MySQL supaya anda tidak perlu memasangnya secara berasingan. Ikuti tips di bawah untuk menggunakan XAMPP.

Tips menggunakan XAMPP


MULAKAN SERVER DARI CONTROL PANEL

Setelah anda install XAMPP, lancarkan Control Panel untuk mengawal kesemua server yang ada.

Dua servis yang paling penting adalah Apache dan MySQL. Lancarkan kedua-dua servis ini untuk menjalankan web server anda.




Anda boleh lihat laman web anda di <http://localhost>



MASUKKAN LAMAN WEB ANDA DI HTDOS


Segala dokumen yang diperlukan untuk membina laman web anda boleh didapati di dalam folder htdocs.

Anda boleh delete kesemua fail di dalam folder ini dan bermula dengan yang baru.



Anda juga boleh install WordPress atau apa-apa CMS seperti Joomla dan Drupal.

Sebagai contoh, jika anda ingin install Wordpress, download fail WP yang terkini dari wordpress.org, dan extract ke htdocs. Apabila anda buka <http://localhost>, anda sudah boleh mulakan memasang WordPress.



URUSKAN DATABASE DENGAN PHPMYADMIN

XAMPP dilengkapi dengan PPHPMyAdmin untuk menguruskan database MySQL anda. Ianya boleh diakses di localhost/phpmyadmin

